

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV	Bil. 10	Hari Isnin	13 April 1998
----------	---------	------------	---------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Puan Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13 April 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERKHIDMATAN SOKONGAN DI HOSPITAL KERAJAAN -
KAJIAN SEMULA PENSWASTAAN**

1. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak kementerian akan mengkaji semula proses penswastaaan beberapa perkhidmatan sokongan tertentu di hospital-hospital kerajaan terutamanya yang berkaitan dengan pembekalan tenaga elektrik sokongan, ekoran dari peristiwa terputusnya bekalan elektrik di Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun lalu yang berpunca dari kecuaiian pihak pengendali swasta untuk memastikan keberkesanan sistem pembekalan tambahan hingga menimbulkan kesulitan yang menyebabkan beberapa pesakit dan bayi-bayi yang baru dilahirkan terpaksa dipindahkan ke hospital-hospital swasta yang berhampiran untuk mendapatkan rawatan lanjut dan kecemasan. Kita juga difahamkan bahawa kejadian yang serupa berlaku beberapa kali sejak perkhidmatan tersebut diswastakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, khidmat sokongan hospital telah diswastakan pada 1 Januari 1997 kepada tiga buah syarikat konsesi, iaitu Faber Mediserve Sdn. Bhd., Radicare (M) Sdn. Bhd. dan Tongkah Medinvest Sdn.

Bhd. Pada awal pelaksanaan projek itu semasa tempoh mobilisasi dan peralihan perkhidmatan terdapat beberapa masalah telah timbul.

Dimaklumkan bahawa kebanyakan bangunan, fasiliti sekuriti dan peralatan biomedikal yang perlu disenggara oleh syarikat adalah pemasangan dan alat yang telah lama dan usang. Keadaan fizikal bangunan, fasiliti dan peralatan biomedikal sedia ada menyulitkan pihak syarikat untuk menyenggaranya ke tahap yang disasarkan. Walau bagaimanapun, melalui rundingan, teguran dan pengawasan yang berterusan, kebanyakan masalah telah dapat diselesaikan dan prestasi syarikat telah menunjukkan peningkatan yang memuaskan. Diakui bahawa masih ada ruang bagi syarikat yang menambah baik perkhidmatan dan prestasi mereka.

Untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang dibekalkan adalah yang terbaik, perjanjian konsesi telah dengan jelasnya menetapkan keperluan teknikal, piawaian serta prosedur-prosedur yang harus didapati oleh syarikat konsesi. Pihak kementerian berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan teknikal yang terkandung dalam perjanjian adalah terperinci dan komprehensif. Terkandung di dalam perjanjian ini juga adalah satu fasal yang membolehkan pihak kerajaan memotong bayaran sekiranya pihak syarikat gagal melaksanakan perkhidmatan mengikut peruntukan perjanjian.

Buat masa ini pihak kementerian tidak bercadang untuk mengkaji semula peruntukan yang terkandung di dalam jadual perjanjian. Walau

bagaimanapun, sekiranya ianya perlu dibuat kelak, maka pihak kementerian akan berbuat demikian mengikut keperluan dan kesesuaian perkhidmatan.

Di dalam hal ini apa yang perlu adalah pihak kementerian mempertingkatkan pengawasan dan syarikat konsesi memperkemaskan sistem pengurusan serta merancang dengan lebih teliti operasi perkhidmatan mereka.

Kementerian Kesihatan mengambil perhatian berat ke atas keberkesanan pengawasan khidmat sokongan hospital. Kementerian sedar bahawa sekiranya khidmat sokongan ini tidak mencapai taraf yang ditetapkan, ia boleh menjejaskan perkhidmatan rawatan pesakit.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu Dewan, bila konsesi ini diberi kepada syarikat-syarikat, kosnya adalah kos yang terendah atau adakah selepas itu kos ini adalah satu kos yang baik untuk diswastakan? Adakah setakat hari ini ada apa-apa timbul mengenai kos dan adakah kos-kos ini akan dikurangkan dalam proses ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bila perjanjian berjalan dengan konsesi memang timbul dengan kos-kos ini. Tetapi dalam mekanisme di mana akhir tahun lepas khidmat telah diberi, kalau kita tidak puas hati dengan mereka, maka kita boleh potong mengikut concession agreement.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada diperkatakan dalam surat khabar bahawa kemungkinan perkhidmatan

ambulans akan diswastakan, dan ramai rakyat termasuk ahli-ahli Parlimen telah menyuarakan mereka tidak setuju dengan cadangan tersebut. Adakah kementerian akan mengambil kira pandangan-pandangan daripada rakyat jelata dan apa perkembangan mengenai dengan penswastaaan perkhidmatan ambulans terkini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai ambulans ialah di dalam senarai Order Paper hari ini pada soalan nombor 21.

TINGKATAN ENAM - PERUBAHAN REFORMASI

2. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Pendidikan menyatakan perubahan atau reformasi terhadap kursus Tingkatan Enam supaya kurikulumnya lebih menumpu dan tempoh kursus dapat dipendekkan kepada satu tahun.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dianugerahkan kepada pelajar-pelajar lulusan Tingkatan VI telah pun mendapat pengiktirafan antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan dari masa ke semasa masih mengkaji kurikulum di Tingkatan VI selaras dengan fungsinya sebagai program prauniversiti dan akan dapat menepati Dasar Pendidikan Negara.

Kementerian Pendidikan juga sedang mengkaji kesesuaian sama ada tempoh kursus Tingkatan VI perlu dipendekkan daripada dua tahun kepada setahun memandangkan kandungan topik untuk kursus ini adalah luas dan terperinci.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]

KANUN ACARA JENAYAH - MEMINDA PERUNTUKAN

4. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak kerajaan akan meminda peruntukan Kanun Acara Jenayah yang ada sekarang bagi mengenakan hukuman khusus yang lebih berat dan sekeras-kerasnya kepada anggota polis yang mengambil kesempatan melakukan jenayah terhadap orang ramai yang meminta pertolongan, di mana sebaliknya pihak polis pula menjadi seperti kata pepatah “harapkan pagar, pagar makan padi”, sepertimana baru-baru ini berlaku wanita yang membuat aduan di balai polis, telah dirogol beramai-ramai oleh anggota polis yang seolah-olah mengadakan majlis kenduri di balai berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Kanun Keseksaan dan undang-undang jenayah lain yang sedia ada adalah memadai untuk menangani sebarang kesalahan yang dilakukan di negara ini. Undang-undang ini terpakai bagi semua orang di negara ini dan undang-undang itu tidak membezakan anggota polis dengan orang lain. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut memberi mahkamah budi bicara untuk menjatuh hukuman yang berbeza mengikut keadaan dan fakta kes serta orang-orang yang melakukan jenayah itu, termasuk hakikat bahawa penjenayah itu ialah anggota polis.

Umpamanya, bagi kesalahan merogol, hukuman minimum menurut seksyen 376 Kanun Keseksaan ialah pemenjaraan selama lima tahun, sementara hukuman maksimumnya pula ialah pemenjaraan sehingga 20 tahun. Hukuman sebat dengan rotan juga boleh dikenakan jika kesalahan ini dilakukan oleh seorang anggota polis, mahkamah dalam menggunakan budi bicaranya boleh menjatuhkan hukuman yang lebih berat daripada yang biasa dijatuhkan kepada orang yang bukan anggota polis.

Mengenai kejadian seorang wanita dirogol oleh anggota polis di Pulau Pinang, pendakwa raya sudah pun mengarahkan supaya seorang anggota polis dipertuduh di bawah seksyen 376, Kanun Keseksaan dan dua orang anggota polis lagi masing-masing dipertuduh atas kesalahan cuba melakukan rogol di bawah seksyen 511, Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan seksyen 376 kanun itu, dengan pertuduhan pilihan di bawah seksyen 354 kanun yang sama.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dijelaskan sekejap tadi bahawa pihak Yang Berhormat telah menyatakan bahawa hukuman jenayah yang ada sekarang ini sudah memadai. Tetapi yang jelas sekarang ini peningkatan jenayah itu berlaku, ada peningkatan pada setiap tahun, tidak semakin berkurangan. Ini menunjukkan adanya unsur-unsur negatif kepada perundangan jenayah tersebut. Apakah pihak Yang Berhormat tidak ambil kira dengan apa yang telah berlaku ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya agak sukar untuk kita memperundangkan sesuatu yang boleh memastikan tidak berlaku lagi perbuatan yang dihalang itu. Sebagai contoh, Yang Berhormat juga tahu di Mekah, kalau orang itu mencuri maka dipotong tangannya. Tetapi kita lihat tidak berhenti juga orang mencuri barang-barang walaupun dipotong tangan. Bermakna bahawa perkara ini agak sukar untuk kita memperundangkan sesuatu yang boleh menjamin bahawa perkara itu tidak berlaku.

Walau bagaimanapun, saya tidak mempunyai maklumat di sini berkenaan sama ada perkara-perkara ini bertambah ataupun kurang. Tetapi walau bagaimanapun, seperti yang saya sebut sebentar tadi kita akan mengambil kira semua perkara yang ada di hadapan kita, dan pada peringkat ini kita merasakan bahawa hukuman yang dikenakan ini adalah memadai.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah pentadbiran keadilan jenayah dalam negara kita khususnya berhubung dengan penyiasatan yang dibuat oleh agensi-agensi penyiasat, termasuk polis, Badan Pencegah Rasuah dan sebagainya, adakah nampak atau tidak trend bahawa wujud atau tidak campur tangan secara langsung oleh pihak kerajaan, dan adakah unsur-unsur menyatakan bahawa apabila orang-orang tertentu terlibat misalnya polis, maka layanan istimewa yang diberi, tetapi orang awam

terlibat, layanan buruk diberi. Adakah tidak trend itu dalam sistem pentadbiran keadilan jenayah dalam negara kita?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat setakat ini tidak ada trend yang menunjukkan iaitu seolah-olah kalau sekiranya badan penyiasat itu yang melaku kesalahan maka ada usaha campur tangan daripada kerajaan untuk menghalang daripada pendakwaan dibuat terhadap pegawai kerajaan. Malah saya rasa pada hari ini pihak kerajaan agak lebih sukar daripada menjadi pembangkang. Sebab dalam kerajaan kalau kita didakwa, kemungkinan besar hukuman itu lebih berat bagi menunjukkan bahawa ada kebebasan undang-undang dalam negara kita. Kadangkala kita lihat kalau terjadi hal kepada pembangkang pula mempunyai privilege. Jadi, sebab itu bagi menjawab....

Tuan Lim Guan Eng: Jangan bohong.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:.....soalan Yang Berhormat. Ini bermakna bahawa....

Tuan Lim Guan Eng: Jangan bohong!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:tidak ada campur tangan oleh pihak kerajaan dalam perkara ini.

BARANGAN RUNCIT DAN MAKANAN - KENAIKAN HARGA

5. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sejauh manakah kenaikan harga barangan runcit dan makanan yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya telah memberi kesan terhadap para pengguna dan tindakan yang telah diambil

terhadap pihak yang terima kasih bertanggungjawab dan langkah untuk menangani masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barangan yang melanda negara kebelakangan ini adalah terutamanya akibat penurunan nilai Ringgit mulai bulan Julai 1997. Penurunan tertinggi berbanding dengan Dollar Amerika ialah 76.6% apabila kadar pertukaran US\$1 ialah purata RM4.462 pada bulan Januari 1998 berbanding dengan purata RM2.5265 pada bulan Jun 1997. Sebaliknya kenaikan harga runcit barang-barang kawalan adalah antara 3.7% hingga 20.8%.

Bagi memastikan harga barang-barang tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mempertingkatkan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan, termasuk di kawasan luar bandar. Pada tahun ini sehingga 28 Mac 1998, sejumlah 129,962 pemeriksaan telah dijalankan daripada mana 1,166 kes telah diambil tindakan di atas pelbagai kesalahan dan melibatkan penyitaan barang bernilai lebih kurang RM1.78 juta. Daripada 1,166 kes itu, 360 kes adalah di bawah Akta Kawalan Harga 1946, 177 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan 389 di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972, ketiga-tiganya berjumlah 928 kes dan melibatkan nilai rampasan RM942,572.09. Sejumlah 859 kes telah dikompaun melibatkan nilai RM298,875 dan 35 kes didenda melibatkan RM9,725.

Selain pemeriksaan dan tindakan undang-undang yang dinyatakan di atas, pelbagai langkah lain telah diambil, di antaranya seperti berikut:-

- (i) menetapkan harga maksimum barang-barang keperluan asas seperti gula, tepung gandum, minyak masak, roti, ayam dan susu pekat manis;
- (ii) mempertingkatkan pemantauan ke atas kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu, termasuk mengarahkan syarikat-syarikat pengeluar dan pengimport mempertingkatkan pengeluaran atau pengimportan serta tidak menaikkan harga tanpa terlebih dahulu merujuk kepada kerajaan;
- (iii) mewajibkan penandaan harga runcit pada barang-barang yang dipamerkan untuk jualan;
- (iv) meminda Perintah Kawalan Harga 1980 untuk mewajibkan penandaan “harga runcit yang disyorkan” iaitu recommended retail price, dengan izin, pada barang-barang tersedia bungkus; dan
- (v) menggubal pindaan kepada Akta Kawalan Harga 1946 untuk menangani masalah mengaut keuntungan berlebihan atau mencatut.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat kerana nampaknya Yang Berhormat pun sangat rajin membuat beberapa lawatan ke kedai-kedai untuk memastikan harga tidak naik. Soalan tambahan ialah, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat bercadang supaya tindakan undang-undang yang telah diambil akan dipamerkan di kedai-kedai berkenaan supaya ini akan memberitahu kepada orang ramai bahawa kedai itu memang telah melanggar undang-undang dan berhati-hati apabila mengunjungi ke kedai itu, sama ada cadangan ini boleh dipakai atau tidak?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedai-kedai yang mana menjualkan barang dengan harga berpatutan, mereka diiktirafkan oleh kementerian ini sebagai kedai harga patut. Setakat ini tidak ada cadangan untuk mempamerkan undang-undang di dalam premis kedai.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari dahulu hingga hari ini kita dapati kebanyakan harga barang tidak pernah turun. Malah ia meningkat dari setahun ke setahun, dan ini sudah tentu diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu. Umpamanya dari segi nilai wang, dari segi ekonomi slow down, dengan izin, dan sebagainya, kesempatan diambil oleh peniaga-peniaga yang akhirnya pengguna akan menerima sasarannya. Apakah dalam pemantauan kementerian selama ini cukup dengan tindak-tanduk penguatkuasaannya sahaja? Adakah cara-cara lain yang boleh memberi kesan,

umpamanya kita tidak mahu negara ini yang peniaga-peniaganya menjual barang waktu pagi harga lain dan petang harga lain. Kita harap dapat diambil tindakan yang lebih tegas dan lebih banyak usaha ditambah selain daripada pemantauan dibuat oleh kementerian selama ini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan tadi, kementerian ini sedang meningkatkan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan untuk memastikan supaya peniaga tidak mengambil peluang untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya dan juga kementerian ini mempertingkatkan pemantauan ke atas kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu. Di samping itu, kementerian ini akan melaksanakan satu sistem, iaitu harga runcit yang disyorkan (recommended retail price) di mana semua barang dalam bentuk packaging atau berbungkus, semua barang ini harus diletakkan harga recommended retail price (RRP). Ini akan memberhentikan peniaga yang mengambil peluang untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Ini bermakna apabila sistem RRP ini dilaksanakan, pihak pengguna boleh tahu harganya sebenar dan mereka sentiasa boleh membuat perbandingan. Jadi, sesiapa yang menjual barang harga melebihi daripada RRP, mereka akan diambil tindakan. Inilah satu cara, satu sistem yang kita akan melaksanakan dalam bulan Jun tahun ini.

TELUR AYAM HARGA BORONG - KOS PENGHASILAN

6. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pertanian menyatakan kos menghasilkan satu biji telur ayam di ladang dan harga borong pada masa sekarang. Sila beritahu kos menghasilkan satu kilo ayam daging dan harga borong pada masa sekarang. Bagaimana kementerian dapat menjamin industri menternak haiwan dapat dikekalkan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, kos menghasilkan satu biji telur ayam pada masa sekarang adalah 18.9 sen. Harga borong satu biji telur ayam adalah Gred AA - 23 sen, Gred A - 22.5 sen, Gred B - 22 sen, Gred C - 21.5 sen, Gred D - 20.5 sen, Gred E - 19.5 sen, Gred F - 18.5 sen.

Kos menghasilkan satu kilogram ayam daging adalah RM3.60. Harga borong pada masa sekarang adalah RM4.00 sekilogram bagi borong hidup dan RM4.80 sekilogram bagi borong siang dengan kaki dan kepala.

Untuk menjamin industri menternak haiwan dapat dikekalkan, kementerian akan:

- (i) menjalankan kajian mencari sumber bahan makanan tempatan sebagai alternatif mengurangkan penggantungan bahan mentah makanan yang diimport;
- (ii) menggalakkan penternak mengamalkan perladangan yang baik.

Melalui cara ini pengeluaran dapat ditingkatkan dengan kos pengeluaran yang lebih cekap yang dapat menjamin kesan kenaikan kos input. Amalan

perladangan yang baik juga dapat mewujudkan industri penternakan yang mesra alam.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Kementerian Pertanian, sebab selama ini saya belum pernah mendengar Kementerian Pertanian menggalakkan orang memelihara ayam kampung. Sebab ayam kampung yang saya tahu dagingnya pun lebih berzat dan telurnya pun lebih berkhasiat, telurnya pun orang buat ubat. Kita banyak menggalakkan ayam bandar yang warna putih selalu diberikan kepada petani-petani. Jadi, saya hendak tahu daripada kementerian ini, adakah tidak rancangan supaya beri ayam kampung kepada orang di kawasan saya yang ada kawasan besar-besar, tetapi bukan bela macam bela ayam bandar, ada longkang, ianya bela secara bebas supaya ia dapat makan bebas dan menjadi lebih berkhasiat. Adakah rancangan ini?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Sebenarnya kementerian memang ada program dan telah pun menjalankan projek untuk menternak ayam-ayam kampung. Memang sehingga ini pasaran ayam kampung agak menggalakkan. Ayam kampung sebagaimana kita mengetahui mempunyai khasiat yang lebih kalau hendak dibandingkan dengan ayam ternakan biasa, terutama telurnya banyak faedah dan khasiat. Jadi, sebab itu Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah pun mengadakan usaha untuk mengeluarkan anak-anak ayam kampung. Kalau Ahli Yang Berhormat berminat bolehlah hubungi dengan kementerian dan sekurang-kurangnya kita akan beri tiga ekor. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa yang lampau harga borong telur dan ayam adalah diisytiharkan oleh satu majlis yang diketuai oleh Pengarah Veterinar di Jabatan Pertanian. Dengan pengalaman dan statistik yang ada pada Jabatan Pertanian beliau berwibawa untuk membuat harga borong setiap hari. Mengapa sekarang harga pasaran ini diumumkan oleh Jabatan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang kurang fasih dalam bidang ini?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat ketahui bahawa apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebelum penguatkuasaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tetapi sekarang ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun mengambil tanggungjawab untuk menentukan harga bukan sahaja telur, ayam dan lain-lain lagi. Namun demikian, kepakarannya memang dari Jabatan Veterinar. Kita bekerjasama dengan baik di antara jabatan dan kementerian. Jadi, tidak usahlah Ahli Yang Berhormat bimbang dengan kepakaran, kerana kepakarannya memang diberi di dalam satu jawatankuasa yang khusus.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said.

[Soalan No. 7 - Y.B. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said (Kuala Kedah) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) tidak hadir]

INSTITUSI VOKASIONAL DAN KOLEJ TEKNIKAL - BILANGAN PELATIH

9. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah bilangan institusi-institusi vokasional dan kolej teknikal yang telah disediakan oleh kerajaan bagi tiap-tiap negeri dan berapakah jumlah pelatih-pelatih yang telah diberi latihan dalam institusi tersebut semenjak 1996. Adakah kerajaan membuat penilaian sama ada pelatih-pelatih yang telah mengikut kursus di institusi-institusi tersebut berjaya mencari pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah institusi latihan vokasional awam pada Disember 1997 ialah 225, manakala bagi peringkat menengah teknik ialah 65. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut iaitu bagi institusi vokasional untuk negeri Johor sebanyak 33; negeri Kedah sebanyak 18; negeri Kelantan sebanyak 13; negeri Melaka sebanyak sembilan.

Oleh sebab angka ini panjang, saya minta kebenaran Ahli Yang Berhormat untuk menghantarnya secara bertulis, tetapi jumlahnya adalah 225 bagi vokasional dan 65 bagi sekolah teknik.

Menurut maklumat yang diperolehi institut latihan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah melatih seramai 87,538 orang semenjak tahun 1996, manakala institusi latihan di bawah Kementerian Sumber Manusia telah melatih 8,448 orang bagi tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, penilaian peluang kerjaya pelatih dikendalikan oleh agensi latihan yang berkenaan seperti MARA, Jabatan Tenaga Rakyat dan

Kementerian Belia dan Sukan dan kebanyakan pelatih-pelatih setakat ini telah pun mendapat pekerjaan dalam bidang masing-masing.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi institusi yang telah sedia ada dan adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan ataupun membina banyak lagi sekolah vokasional khususnya bagi negeri Sarawak bagi melatih pelajar-pelajar yang berhenti dari sekolah oleh kerana kita lihat bilangan mereka ini semakin bertambah dari tahun ke setahun.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, prestasi latihan itu sudah tentulah kita akan memperbaikinya sepanjang masa dan kita ada beberapa badan penyelarasan yang mengandungi beberapa kementerian dan jabatan lain yang bertanggungjawab menyelaraskan peningkatan kualiti latihan yang diberi itu.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa tugas dan tanggungjawab untuk membina institusi latihan ini terletak kepada pelbagai kementerian dan termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Sumber Manusia juga.

Bagi Kementerian Sumber Manusia, kita akan membina suatu institut latihan perindustrian yang besar di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kejadian pekerja yang dipecat dari pekerjaan mereka atau dibuang kerja di kilang-kilang dan sektor perniagaan akan bertambah akibat kemerosotan ekonomi, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk melatih semula pekerja-pekerja yang mungkin akan dibuang kerja oleh majikan, sama ada kementerian ada rancangan untuk memaksa majikan memberi latihan semula dalam bidang yang baru sebelum tindakan memecat pekerja ini dijalankan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa tidak akan ada majikan yang sanggup memberhentikan pekerja mereka kalau perniagaan mereka itu terus untung, tetapi oleh sesuatu sebab lebih-lebih lagi oleh sebab keadaan ekonomi sekarang ini, kalau terdapat sesuatu syarikat yang memang selepas berusaha pun mereka tidak dapat meneruskan perniagaan mereka, mereka terpaksa memberhentikan pekerja mereka.

Apabila mereka bercadang untuk memberhentikan pekerja mereka, mereka terpaksa melaporkan mengikut kuatkuasa undang-undang kepada kementerian kita sekurang-kurangnya sebulan sebelum mereka memberhentikan pekerja mereka kepada Jabatan Buruh supaya Jabatan Buruh dapat memastikan agar majikan itu mengambil tindakan yang diperlukan di bawah undang-undang untuk memberi ganti rugi dan sebagainya kepada

pekerja itu dan lebih penting lagi untuk memberi masa kepada kerajaan untuk mencari kerja-kerja ganti kepada pekerja-pekerja yang hendak diberhentikan itu.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan berkali-kali, pada ketika ini kita mempunyai satu cushion iaitu kita masih mempunyai pekerja jauh lebih dari dua juta pekerja asing yang secara sah dan tidak sah berada di negara kita ini. Kalau sampai ketika di mana keadaan pengangguran begitu serius di negara ini, maka sudah tentulah pekerja-pekerja asing ini kita akan hantar balik dan digantikan dengan pekerja tempatan.

LAPORAN KEWANGAN SYARIKAT - KESAHIHAN

10. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementeriannya untuk memastikan kesahihan laporan kewangan syarikat dan kebenaran status kewangan syarikat yang digambarkan; dan
- (b) apakah tugas dan tanggungjawab ahli-ahli profesional dalam proses menyediakan laporan kewangan syarikat-syarikat yang memohon untuk disenaraikan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Akta Syarikat 1965 mempunyai peruntukan-peruntukan yang mencukupi. Bagi memastikan laporan kewangan

yang disediakan oleh syarikat memberikan gambaran yang sah dan saksama mengenai kedudukan kewangan sesebuah syarikat. Semua syarikat, pengarah dan pengurus syarikat adalah bertanggungjawab menyimpan rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang menerangkan transaksi serta kedudukan kewangan syarikat bagi membolehkan akaun untung rugi yang sebenar dari dokumen yang berkaitan disediakan dari masa ke semasa. Rekod-rekod tersebut hendaklah disimpan dengan sempurna bagi memudahkan kerja-kerja mengaudit.

Syarikat-syarikat juga dikehendaki melantik juruaudit untuk memeriksa akaun syarikat-syarikat dan laporan kedudukan kewangan syarikat yang telah diaudit perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Juruaudit bertanggungjawab melaporkan kepada Pendaftar Syarikat mengenai kesalahan atau ketidakpatuhan syarikat kepada peruntukan Akta Syarikat. Pendaftar Syarikat menjalankan operasi pemeriksaan yang berterusan ke atas akaun syarikat-syarikat dan jika terdapat syarikat mana yang melakukan kesalahan di bawah Akta Syarikat, denda kompaun akan dikenakan kepada syarikat berkenaan.

Mulai 7 Mac 1997, syarikat perlu mematuhi standard yang ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

- (b) Tugas dan tanggungjawab ahli-ahli profesional iaitu akauntan-akauntan dalam proses menyediakan laporan kewangan syarikat-syarikat yang memohon untuk disenarai ialah memastikan laporan tersebut mengandungi maklumat yang benar dan saksama sepertimana yang ditetapkan dalam Akta Syarikat 1965 iaitu akta mengenai peraturan-peraturan tatacara MASB dan badan profesional dan mematuhi keperluan-keperluan di bawah Dasar dan Garis Panduan Terbitan dan juga Tawaran Sekuriti Suruhanjaya Sekuriti.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat banyak syarikat yang tersenarai itu sebelum disenaraikan, laporan untuk syarikat itu bagi lima tahun yang dahulu itu selalu melaporkan keuntungan yang besar, tetapi sebaik sahaja disenaraikan keuntungan itu pun sudah turun, adakah ini disengajakan ataupun hanya berlaku sahaja ataupun laporan itu tidak sah. Kalau tidak sah, apakah tindakan yang diambil terhadap akauntan-akauntan yang membuat laporan itu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan di bawah peraturan-peraturan yang diluluskan oleh MASB, kemungkinan berlaku penurunan keuntungan selepas disenaraikan disebabkan oleh apa yang dikatakan creative accounting tidak berlaku, kemungkinan disebabkan oleh masalah perdagangan yang lain dan saya pasti dengan adanya peraturan-peraturan yang baru, apa yang kita selalu sebut 'creative accounting' tidak mungkin berlaku.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ada mengatakan Akta Syarikat dan juga transparency akan dikenakan supaya akaun-akaun yang dikemukakan akan memberikan satu pandangan yang sah sama ada pandangan itu dari segi akaun untung rugi ataupun dari segi balance sheet, dengan izin.

Saya hendak bertanya sedikit dengan suasana kegawatan ekonomi yang ada sekarang ini, adakah unjuran-unjuran yang dibuat oleh syarikat-syarikat, itu yang pertama. Yang kedua, adakah juga langkah-langkah tertentu perlu diambil, sebab selalunya dalam penyediaan akaun itu ada andaian-andaian tertentu dibuat dalam suasana ekonomi tertentu tetapi dengan berubahnya ekonomi negara kita ini, adakah perlu diberitahu seperti badan yang mengawas syarikat-syarikat ini yang disenaraikan seperti Suruhanjaya Sekuriti, adakah perlu mereka mengambil tindakan yang khusus memandangkan keadaan

kegawatan ekonomi sekarang ini beri arahan kepada firma-firma audit ini supaya bila mereka mengauditkan syarikat sekarang ini, mereka kena ambil kira pendekatan tertentu ataupun perkara-perkara tertentu untuk memastikan akaun yang dibentang nanti kepada masyarakat itu mengambil kira kaedah-kaedah dalam kegawatan ekonomi sekarang ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam pengiraan profit and loss sepertimana yang saya tahu, tidak ada dengan izin, flexibility di dalam andaian-andaian pengiraan jikalau keadaan macam ini andaianya lebih di sini sedikit, lebih senang ataupun lebih flexible, dengan izin. Andaian semuanya adalah sama dan segala andaian dan garis panduan yang dibuat oleh MASB adalah dikenal pasti sebagai andaian-andaian yang mutlak iaitu peraturan-peraturan yang mutlak, tidak ada perbezaan adakah ianya di dalam keadaan makmur ataupun keadaan susah.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting di sini ialah kekesanan jabatan ataupun syarikat-syarikat juruaudit iaitu syarikat-syarikat juruaudit inilah yang akan memastikan apakah darjah kesahihan itu wujud di dalam mana-mana unjuran-unjuran yang dibuat oleh sesuatu syarikat.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian telah juga memastikan kekesanan pihak juruaudit dan sepanjang tahun sudah iaitu tahun 1997, kita telah menjalankan satu operasi secara besar-besaran yang dikenali sebagai Ops Akaun dan Juruaudit di mana sebanyak 196 firma juruaudit telah

diperiksa iaitu yang melibatkan 615 akaun syarikat-syarikat iaitu pemeriksaan secara random. Hasilnya sebanyak 43 firma juruaudit dan 132 syarikat telah dikenakan denda kompaun berjumlah RM124,000 bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Syarikat.

Jadi, kalau kita lihat di sini, kebanyakan kesalahan-kesalahannya adalah kecil, sebab itu denda tidak banyak, walaupun banyak didapati salah dan denda-dendanya adalah di bawah RM200,000. Jadi, ini menunjukkan bahawa setakat ini prestasi dan juga pematuhan kepada garis panduan dan juga andaian-andaian di dalam pengauditan, perakaunan adalah di dalam keadaan yang sihat dan boleh dikatakan kadar profesionalismenya yang tinggi.

KEMUDAHAN SEKOLAH DI BANDAR BINTULU - MENINGKATKAN

11. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan oleh kerana kawasan perumahan tumbuh macam cendawan di sekeliling SMK Bandar Bintulu menyebabkan kemudahan sekolah semakin tidak mencukupi seperti bilik darjah, guru dan sebagainya. Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengelakkan keadaan ini sedangkan tiga buah sekolah menengah lain yang berhampiran juga sudah beroperasi sepenuhnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Menengah Kerajaan Tanjong Kidurong dengan 36 buah bilik darjah telah siap pembinaannya. Sekolah tersebut mula beroperasi pada 23 Februari 1998. Selain dari itu, projek baru Sekolah Menengah Kerajaan Baru Bintulu dengan 24 buah bilik darjah telah diluluskan

pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Dengan adanya dua buah sekolah ini Kementerian Pendidikan yakin masalah kesesakan di sekolah menengah kerajaan Bandar Bintulu akan dapat diatasi.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah mengenai Sekolah Menengah Kerajaan Bandar iaitu nama untuk sekolah yang terbabit dan ini adalah satu kes yang spesifik untuk sekolah ini dan walaupun ada sekolah disekelilingnya telah pun dibina tetapi saya ingat masalah di SMK Bandar Bintulu ini masih akan kekal kerana itu yang sebenarnya nama untuk satu sekolah, bukan sekolah di bandar itu.

Dan lagi mengenai hal-hal yang berkaitan dengan sekolah menengah di Bintulu diurus dengan pejabat bahagian Miri dan ini menyebabkan kesusahan kepada ibu bapa dan pengajar serta kakitangan Jabatan Pendidikan oleh kerana masa perjalanan yang lama dan sangat jauh serta memakan belanja yang tinggi. Bilakah Jabatan Pendidikan akan membenarkan pejabat bahagian Bintulu mengurus sendiri hal ehwal Sekolah Menengah Bintulu ataupun naiktaraf pejabat pendidikan daerah yang ada di Bintulu sekarang ke pejabat pendidikan bahagian Bintulu, ini paling penting, ini punca masalah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham kenapa nama itu akan menjejaskan keyakinan ibu bapa terhadap sekolah-sekolah baru kerana kita ada Sekolah Menengah Kebangsaan Baru Bintulu dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Bintulu dan Sekolah Menengah

Kerajaan Tanjong Kidurong itu, saya rasa keyakinan ibu bapa terhadap sekolah-sekolah itu tidak akan terjejas jika dipengaruhi oleh nama itu. Saya rasa itu bukan masalah kerana kalau sekolah itu dekat dengan tempat-tempat perumahan ibu bapa atau rumah pelajar tersebut, mestilah mereka akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah itu.

Keduanya, tentang hal-hal pengurusan itu sehingga sekarang kita rasa oleh kerana ada pejabat daerah di Miri itu, itu tidak akan membangkitkan apa-apa masalah di Bintulu kerana apa yang terjadi, saya rasa jika ada masalah yang perlu diselesaikan, kita akan selesaikan dengan segeranya dan hingga masa sekarang, itu bukan satu masalah yang kita dapati.

DASAR PEMBANGUNAN NEGARA - KEBAIKAN KEPADA RAKYAT JELATA

12. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa Dasar Ekonomi Negara yang dilaksanakan sekarang ini akan dipinda; dan jika benar, sila beri penjelasan secara terperinci apakah rasional dan kebaikannya kepada rakyat jelata.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar kerajaan sentiasa dikaji dan pelaksanaannya diawasi untuk kebaikan negara dan masyarakat. Pada masa ini memang benar kerajaan sedang mengkaji strategi pembangunan sosio-ekonomi negara sempena dengan kerja-kerja berkaitan

dengan penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga pemulihan negara daripada kegawatan ekonomi sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek-aspek utama Dasar Pembangunan Negara akan terus dikekalkan oleh kerana dasar tersebut pada amnya telah menyumbangkan kepada pencapaian pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Walau bagaimanapun, beberapa aspek pelaksanaan boleh dan akan dipinda sekiranya perlu untuk memulihkan ekonomi daripada kegawatan ekonomi sekarang di samping memperkukuhkan asas pertumbuhan ekonomi di masa hadapan. Namun demikian, kerajaan akan sentiasa memastikan rakyat dan negara mendapat faedah sepenuhnya daripada apa sahaja dasar yang akan dilaksanakan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap terima kasih kepada kerajaan kerana mengekalkan Dasar Ekonomi Negara dan menghadapi keadaan kemelut ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah apakah pihak kementerian atau pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengenal pasti syarikat-syarikat bumiputera yang telah atau terpaksa menjual ekuiti mereka untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tersebut dan berapa banyakkah syarikat-syarikat yang telah terlibat dalam penjualan ekuiti tersebut.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan yang begitu prihatin, tetapi saya boleh pasti ini syarikat beliau bukan di antara syarikat yang termasuk di sinilah. *[Ketawa]*

Walau bagaimanapun, oleh kerana soalan ini soalan yang khusus, jumlahnya dan berapakah syarikat yang telah dikenal pasti, saya minta notis untuk memberikan jawapan secara bertulis kepada beliau.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, seterusnya soalan tambahan saya ialah dalam Dasar Ekonomi Negara, kita sedia maklum sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk sebentar tadi, soalan saya ialah dalam keadaan sekarang ini, sungguhpun kita telah mencapai kemerdekaan 40 tahun dari segi Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan, termasuk dalam konteks Dasar Ekonomi Negara supaya kedudukan tahap ekuiti peratus bumiputera meningkat sekurang-kurangnya 30%. Adakah kita telah mencapai ke tahap ekuiti bumiputera sekarang ini dan apakah cara-caranya untuk terus mempertingkatkan sehingga dapat kita mencapai target yang kita harapkan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa Malaysia hanyalah satu-satu negara yang mempunyai dasar untuk membantu kaum bumiputera di

negaranya jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain seperti Mexico dan banyak negara yang lain walaupun telah merdeka 100 tahun lebih tetapi kedudukan, dengan izin, Indian mereka iaitu Orang Asli mereka masih lagi kebelakangan.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa sehingga pada hari ini kita belum lagi dapat mencapai tahap 30% seperti yang dikehendaki oleh kita, pelbagai masalah yang menyebabkan kita tidak dapat mencapai perkara ini, pertamanya, mungkin sikap bumiputera itu sendiri, yang kedua, mungkin kerana kegawatan ekonomi sepertimana yang kita semua maklum pada hari ini tidak dijangka menyebabkan beberapa rancangan kita tergendala dalam usaha ini.

Walau bagaimanapun, untuk angka yang khusus, sekali lagilah saya minta notis sebab saya tidak mempunyai jawapannya di sini dan saya akan memberikannya secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah.

[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa) tidak hadir]

KEMPEN BOIKOT AYAM - KESANNYA TERHADAP HARGA

15. **Dato' Haji Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kesan kempen boikot ayam secara besar-besaran selama sepuluh hari yang dianjurkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) ke atas industri ayam negara terutama penternak-penternak ayam dan sejauh manakah kempen tersebut telah dapat menurunkan harga runcit ayam.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, penternak-penternak ayam melaporkan tiada masalah memasarkan ayam pada paras harga yang dibenarkan oleh kerajaan sepanjang masa kempen berkenaan dijalankan. Ini menunjukkan bahawa permintaan untuk ayam daging tidak terjejas.

Dalam keadaan di mana pemasaran boleh dibuat secara lebih terus dari penternak kepada pengguna, harga runcit ayam dijual adalah rendah sedikit dari harga yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, amalan ini berlaku walaupun sebelum kempen boikot berkenaan.

RUMAH MAYAT DI HOSPITAL SIBU - UPACARA PENGEBUMIAN DAN PEMBAKARAN

16. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian dapat mempertimbang untuk memperluaskan kemudahan rumah mayat di Hospital Umum Sibu dengan menambah:-

- (a) dewan-dewan untuk pelbagai kaum dan kepercayaan agama bagi menjalankan upacara-upacara pengebumian; dan

- (b) tempat untuk pembakaran mayat.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rumah Mayat Hospital Sibu kini sudah mempunyai kemudahan untuk upacara pengebumian ringkas bagi mayat bukan Islam dan kemudahan mandi mayat bagi mayat orang Islam. Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa kemudahan seperti ini sudah mencukupi dan tidak bercadang untuk menyediakan dewan-dewan upacara pengebumian tambahan.
- (b) Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa kemudahan tempat untuk pembakaran mayat perlu disediakan oleh komuniti memandangkan aktiviti ini adalah di luar lingkungan bidang kementerian saya.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya sering benar menghadiri ke upacara pengebumian dan nampaknya sering terjadi upacara pengebumian itu diadakan di kawasan terbuka di bawah matahari atau kadang-kadang di dalam hujan juga. Bolehkah kementerian mengkaji semula mengenai banciaan kemudahan rumah mortuary ini supaya upacara pengebumian ini yang simple, dengan izin, boleh diadakan di dalam rumah di hospital itu?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya ada di sini dalam tahun 1997 sebanyak 114 kematian yang telah terjadi di dalam hospital ini dan semua fasiliti yang telah diberikan kepada rumah mayat adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, pegawai Kementerian Kesihatan akan meng'check' perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan itu.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hairan juga Yang Berhormat

Seorang Ahli: Apa nak hairan, tak hairanlah!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Belum makan tengah harikah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

Tuan M. Kulasegaran: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan, tidak boleh membuat ulasan terhadap ahli yang lain.

Tuan M. Kulasegaran: Latar belakang. Okay.

Seorang Ahli: Cepat hendak naik! *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah mengatakan bahawa tempat untuk pembakaran mayat bukanlah di dalam bidang kuasa kementerian beliau. Saya rasa bolehkah Yang Berhormat

memberitahu bidang kuasa ini adalah di bawah bidang kuasa kementerian mana dan bukannya ‘kebakaran’ mayat [Ketawa] ini yang menyebabkan satu perkara yang sangat serius di negara ini memandangkan banyak kebakaran yang melibatkan penggunaan kayu-kayu dan telah menjadi satu masalah yang rumit di seluruh negara. Jadi, dalam keadaan ini bukannya satu tindakan yang tegas perlu diambil dan apakah tindakan yang sedang diambil dan akan diambil di dalam perkara ini?

Seorang Ahli: Panggil bomba!

Dato’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan itu bukan tugas kementerian saya, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat mahu tahu juga boleh berbincang dengan Local Government, mereka yang membuat dan menyediakan tempat-tempat ‘kebakaran’ ini. [Ketawa] Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, memang Ahli Yang Berhormat boleh berbincang dengan Majlis Perbandaran di Teluk Intan dan mereka boleh menyediakan tempat ini, ini bukan kementerian yang membuat semua ini. Sekian.

DOKUMEN IMIGRESEN - PEMALSUAN

17. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyak sindiket yang memalsukan dokumen-dokumen imigresen Malaysia yang dikesan hingga kini. Pihak manakah yang terlibat dan apakah langkah yang diambil bagi membanteras “musuh” negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1996 dan tahun 1997 pihak Polis Diraja Malaysia telah membanteras 12 sindiket memalsukan dokumen-dokumen imigresen. Seramai 51 orang yang terdiri dari warganegara Malaysia, Indonesia, Bangladesh dan Myanmar telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Bagi membendung kegiatan tersebut, pihak berkuasa melancarkan operasi yang berterusan untuk mengesan dan menangkap mereka yang terbabit.

Kerajaan juga telah meminda Akta Imigresen 1959/1963 dan Akta Pasport 1966 untuk memperuntukkan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan memalsukan dokumen perjalanan dan endorsement imigresen.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak berkuasa telah mengenal pasti pusat-pusat gerakan sindiket ini dan di manakah tempat-tempat yang berkenaan dan ada dakwaan yang mengatakan bahawa sindiket ini pernah bergerak di Pusat Damansara sendiri iaitu di bawah Ibu Pejabat Imigresen Malaysia. Jadi, adakah dakwaan ini merupakan satu dakwaan yang benar ataupun merupakan satu khabar yang boleh memburukkan dan menjejaskan imej Imigresen Malaysia?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sindiket-sindiket yang dapat ditumpaskan ini termasuk kegiatan mereka ini memang didapati mereka ini orang yang bijak dan pandai. Mereka memang sentiasa menggunakan nama

pegawai Imigresen, mereka juga boleh bergerak di persekitaran dekat Pusat Damansara seolah-olah mereka itu macam ada perhubungan terus. Daripada maklumat yang dapat ditumpaskan dari 12 sindiket ini sebagai contoh mereka boleh memalsukan resit levi untuk pekerja asing sebanyak 214,546 resit dalam tahun 1996 sahaja dan pada tahun 1997 sebanyak 4,009 resit telah dipalsukan.

Selain dari itu Permanent Residence (PR), permit masuk pun mereka telah palsukan 2,506, ini semua sindiket yang telah ditumpaskan. Yang masih belum ditumpaskan, yang masih kita siasat tidak tahu berapa, ini bermakna ada banyak permintaan di pasaran ini kerana ramai pendatang tanpa izin, mereka ini tidak mahu balik dan mereka ingin tinggal di tempat yang baik di Malaysia ini maka mereka menggunakan macam-macam taktik.

Jadi, saya ingin menjelaskan tidak ada perhubungan langsung dengan Jabatan Imigresen, yang ada sindiket itu pun secara tipu helah, dia kata dia ada kaitan tetapi sebenarnya tidak.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu agaknya berapakah ditafsirkan kerugian yang dialami oleh pihak kerajaan di atas sindiket yang berjalan selama ini, yang baru disedari oleh pihak Jabatan Imigresen; dan di samping itu, adakah kakitangan imigresen dan Jabatan Polis (PDRM) sendiri yang terlibat di dalam sindiket yang sedemikian rupa?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pegawai imigresen atau pegawai polis yang terlibat di dalam 12 sindiket yang saya sebut itu yang telah memalsukan passport, pas lawatan kerja sementara, resit, cop tanda keluar

masuk dan sebagainya. Ini semua adalah sindiket orang luar dan termasuk warganegara asing. Kalau ada pun pegawai imigresen yang terlibat itu diklasifikasikan sebagai penyelewengan. Mereka tidak termasuk di dalam sindiket untuk memalsukan. Kerugian memang tidak dapat kita kira tetapi daripada jumlah resit yang dipalsukan itu nampaknya kerugian memang besar kerana ini telah merugikan majikan. Majikan juga membayar banyak wang tetapi diberi resit palsu, kalau anggap itu satu kerugian sudah 2,000 lebih resit dikeluarkan, maka ini adalah satu kerugian yang besar.

**KEMALANGAN JALAN RAYA –
STATISTIK TAHUN 1993 – 1997**

18. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan statistik bagi kemalangan jalan raya yang berlaku antara tahun 1993 hingga 1997 yang disebabkan oleh:-

- (i) kelalaian pemandu kenderaan yang terlibat dalam kemalangan;
- (ii) pejalan kaki dan binatang (terutamanya lembu) yang melintasi jalan dalam keadaan yang mendatangkan bahaya kepada pemandu kenderaan;
- (iii) masalah teknikal kenderaan; dan
 - (a) sila nyatakan bilangan kawasan yang kerap berlaku kemalangan mengikut pecahan negeri; dan
 - (b) apakah langkah-langkah berkesan yang diambil untuk mengurangkan kadar kemalangan dalam kawasan-kawasan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pecahan punca kemalangan maut bagi tahun 1994 hingga 1997 adalah seperti berikut:

- (i) Punca Kelalaian Pemandu Kenderaan Yang Terlibat Dalam Kemalangan:

Tahun

Bilangan Kes

1994	11,427
1995	10,907
1996	13,648
1997	13,498

(ii) Punca Pejalan Kaki dan Binatang:

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Kes</u>
1994	1,917
1995	1,854
1996	2,368
1997	2,203

(iii) Punca Keadaan Permukaan Jalan atau Reka Bentuk Jalan:

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Kes</u>
1994	27,098
1995	26,278
1996	32,491
1997	31,991

(iv) Punca Masalah Teknikal Kenderaan:

<u>Tahun</u>	<u>Bilangan Kes</u>
1994	172
1995	170
1996	347
1997	318

Perangkaan untuk tahun 1993 tidak dapat diperolehi kerana butiran terperinci untuk kemalangan maut hanya bermula pada tahun 1994.

(a) Bilangan kawasan yang kerap berlaku kemalangan jalan raya mengikut negeri di Semenanjung adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Bil. Kawasan</u>
Perak	64
Johor	42
Selangor	30
Pulau Pinang	22
Kedah	12
Terengganu	12
Negeri Sembilan	5
Pahang	5
Kelantan	5
Perlis	3
Melaka	0
Jumlah	200

(b) Dalam menangani isu kemalangan jalan raya di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sering berlaku kemalangan, tindakan yang diambil ialah dengan memperelok, membaikpulih dan juga menaikkan taraf kawasan-kawasan tersebut serta mengadakan papan tanda peringatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah cukup untuk soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 7, 8, 13, 14 dan 19 hingga 47 akan dijilid dalam naskhah berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERSARAAN
GURU-GURU (SABAH)(PEMBUBARAN) 1998**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Ordinan Persaraan Guru-guru 1963 (Sabah) untuk membubarkan Kumpulan Wang Persaraan Guru-Guru dan Lembaga Pengurusan yang ditubuhkan di bawah Ordinan itu, untuk memindah milikkan semua hartanya kepada kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 1998**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA
(PINDAAN) 1998****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK
SAWIT MALAYSIA 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979; untuk membubarkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia; untuk menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berhubung dengan industri kelapa sawit Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan supaya PORIM digabungkan dengan PORLA sebagai langkah untuk memperkemaskan fungsi kedua-dua agensi tersebut di dalam membangunkan industri minyak sawit. Berikutan dengan itu Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 telah digubal bagi membolehkan PORIM dan PORLA digabungkan. Apabila akta ini berkuatkuasa dan urusan penggabungan selesai, hanya satu agensi iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM) atau Malaysian Palm Oil Board (MPOB) akan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, industri minyak kelapa sawit memainkan peranan yang penting di dalam membangunkan ekonomi negara. Ini dapat dilihat daripada sumbangan industri itu terhadap KDNK yang meningkat daripada 5.8 peratus pada tahun 1980 kepada 8.2 peratus pada tahun 1996. Sementara itu bagi sektor komoditi utama, hasil eksport keluaran minyak sawit berjumlah 12.76 bilion pada tahun 1997 menjadikan industri kelapa sawit penyumbang

penting kepada hasil eksport negara. Sebenarnya industri kelapa sawit telah menikmati harga yang lumayan sungguhpun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi di mana harga minyak sawit mentah telah meningkat kepada RM2,311.50 setan bagi Februari 1998 berbanding dengan RM1,180 setan pada Julai 1997. Prestasi industri minyak sawit dalam pasaran eksport memang telah dan akan terus membantu ke arah pemulihan ekonomi negara ini.

Dari segi sosio-ekonomi pula, lebih kurang 250,000 keluarga terlibat di dalam sektor peladangan kelapa sawit iaitu melalui tanah rancangan kerajaan dan pekebun-pekebun kecil dan lebih kurang 80,000 pekerja lagi bekerja di ladang-ladang milik swasta. Oleh itu, adalah penting industri kelapa sawit terus dimajukan secara teratur dan sempurna supaya sumbangannya kepada ekonomi negara dapat dikekalkan dan seterusnya ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kini industri minyak sawit negara sedang melalui perubahan struktur yang ketara, misalnya pengeluaran industri ini bukan lagi hanya tertumpu kepada produk-produk dalam bentuk minyak, bahkan merangkumi keluaran biomass juga. Kegunaan keluaran minyak sawit juga tidak lagi terhad kepada bahan makanan tetapi juga bahan bukan makanan. Adalah menjadi objektif kerajaan untuk memaksimumkan nilai tambah bagi bahan utama negara dan Pelan Induk Perindustrian Kedua telah mengenalpasti sektor minyak sawit sebagai salah satu kelompok industri yang perlu dimajukan lagi. Dalam hubungan ini saya yakin bahawa keluaran kelapa sawit boleh mendukung tiga industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi iaitu industri makanan, industri oleokimia dan industri berasaskan kayu seperti pulpa dan kertas.

Tuan Yang di-Pertua, potensi bagi industri berasaskan kelapa sawit adalah besar sekali dan segala usaha perlu digemblengkan untuk merealisasikan potensi ini. Di arena antarabangsa pula, industri minyak sawit Malaysia bukan sahaja bersaing dengan pengeluar-pengeluar minyak sayuran dan lelemak yang

lain, bahkan juga dengan negara-negara pengeluar minyak sawit sendiri seperti Indonesia yang mempunyai beberapa kelebihan termasuk keluasan tanah yang sesuai dan bekalan buruh yang mencukupi bagi perladangan kelapa sawit. Indonesia sedang berusaha untuk menambah keluasan tanaman dan jumlah pengeluaran minyak sawitnya dan ini merupakan satu cabaran kepada Malaysia. Di sesetengah negara pengeluar yang lain, subsidi pula diberikan kepada minyak sayuran yang dihasilkan seperti minyak rapeseed, soya bean dan sunflower, dengan izin, yang merupakan pesaing-pesaing utama kepada minyak sawit.

Sungguhpun terdapat cabaran-cabaran yang dinyakan tadi, industri minyak sawit mempunyai prospek pasaran yang baik untuk jangka masa yang panjang. Ini adalah kerana permintaan dunia terhadap minyak sayuran dan lemak khususnya minyak sayuran dijangka akan terus meningkat dengan pertambahan jumlah penduduk dunia kepada 8.2 bilion pada tahun 2020 dan peningkatan pendapatan per kapita negara-negara di dunia yang akan menyebabkan permintaan terhadap minyak sayuran dan lemak meningkat iaitu daripada 15 kilogram per kapita sekarang kepada 20.6 kilogram per kapita pada tahun tersebut. Selaras dengan itu, permintaan terhadap minyak sawit diunjurkan akan turut meningkat kepada 100 juta tan metrik sekarang kepada 169 juta tan metrik menjelang tahun 2020. Ini menunjukkan bahawa ruang pasaran masih terbuka luas bagi minyak sayuran keseluruhannya dan minyak sawit berpeluang untuk menguasai sebahagian besar pasaran ini kerana ianya adalah kompetitif dari segi harga, mempunyai hasil yang tinggi dan telah diterima umum berdasarkan kepada kualiti, kepelbagaian penggunaan serta khasiat pemakanan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya cabaran-cabaran serta peluang pasaran yang baik bagi industri kelapa sawit, maka agensi yang diamanahkan untuk menyelia dan memajukan industri kelapa sawit mestilah bersedia

memikul tanggungjawab yang lebih luas dan menyeluruh. Tambahan pula, industri kelapa sawit negara kini dan pada masa hadapan akan menjadi lebih kompleks merangkumi pelbagai aktiviti seperti pengeluaran minyak sawit, pengeluaran barangan berasaskan kelapa sawit dan pembekalan perkhidmatan kepakaran dan perundingan. Ini juga bermakna bahawa usaha membangunkan industri kelapa sawit perlu dibuat secara lebih bersepadu dengan mengambil kira kehendak semasa dan juga masa depan industri.

Maka industri minyak sawit sebagaimana yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 ini telah diberi pengertian yang lebih luas merangkumi aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pembuatan, usaha-usaha R&D, perkhidmatan kepakaran dalam bidang minyak sawit serta aktiviti-aktiviti persisiran pantai. Oleh itu agensi baru hasil gabungan PORIM dan PORLA perlu mengambil pendekatan yang lebih bersepadu dalam usaha membangunkan industri minyak sawit negara bagi menentukan yang industri ini terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan pada masa yang sama mengekalkan daya saing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, melalui rang undang-undang ini LMSM atau MPOB dijangka akan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan minyak sawit baik di peringkat hulu dan juga hiliran. Di peringkat hulu, keutamaan akan diberi bagi menangani masalah kekurangan tenaga buruh, mengurangkan kos pengeluaran dan juga meningkatkan produktiviti. Di peringkat hiliran, selain daripada meneruskan usaha-usaha menemui keluaran dan kegunaan baru bagi minyak sawit, usaha akan turut diberi ke arah meningkatkan sumbangan keluaran bukan minyak. Penggunaan biomass yang terdiri daripada batang kelapa sawit, tandan kosong dan pelepah untuk menghasilkan produk-produk seperti Medium Density Fibreboard (MDF), dengan izin, perabot, pulpa dan kertas serta lain-lain.

Aktiviti R&D bagi pengeluaran barangan berteknologi tinggi sama ada untuk kegunaan makanan atau bukan makanan akan terus dipergiatkan. Di antara keluaran-keluaran bukan makanan tersebut termasuklah kimia fitin, acid fitik, mio-inositol dari dedak isirong sawit dan pelapis kertas daripada oleokimia. Manakala produk-produk makanan pula ialah keju, coklat, serbuk aiskrim dan marjerin bebas trans.

Di antara fungsi penting LMSM ialah untuk melaksanakan dasar-dasar dan program pembangunan bagi menentukan viability atau daya maju industri minyak sawit. LMSM juga akan merancang dan melaksanakan penyelidikan berhubung dengan pengeluaran, pemakanan dan penggunaan kelapa sawit, termasuk penyelidikan ke atas minyak dan lelemak lain yang ada kesan terhadap pembangunan industri kelapa sawit negara.

Bagi menentukan pembangunan industri kelapa sawit yang teratur, aktiviti pengawasan dan kawalselia oleh LMSM akan diperkemas. Sungguhpun demikian, urusan keluaran kelapa sawit tidak akan terjejas kerana langkah-langkah yang diperkenalkan nanti adalah bertujuan lebih untuk memastikan mutu keluaran minyak sawit negara berada di tahap yang tinggi dan dengan itu mengekalkan daya saingnya di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 ini pada prinsipnya merupakan gabungan fungsi-fungsi PORIM dan PORLA sekarang yang ditokok-tambah serta dikemaskini bagi mengambil kira perkembangan industri masa kini dan masa hadapan. Ianya terbahagi kepada 8 Bahagian seperti berikut:

Bahagian I mengandungi tajuk ringkas tarikh kuatkuasa serta takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam akta.

Bahagian II memperuntukkan penubuhan LMSM sebagai satu perbadanan, objektif, fungsi dan kuasanya, keanggotaan lembaga, kuasa

menteri Memberi arahan, mengemukakan penyata akaun dan maklumat, perwakilan kuasa oleh Lembaga dan kuasa menubuhkan jawatankuasa.

Bahagian III menyediakan peruntukan berhubung dengan Ketua Pengarah, lantikan Timbalan Ketua Pengarah, pegawai-pegawai dan perkhidmat serta syarat-syarat perkhidmatan mereka. Kuasa memberi pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah, penubuhan jawatankuasa tatatertib dan rayuan terhadap keputusannya, membuat peraturan tatatertib, mengenakan surcaj serta yang berkaitan dengannya.

Bahagian IV mengandungi peruntukan kewangan. Ia memperuntukkan penubuhan kumpulan wang serta perbelanjaan yang boleh ditanggungkan, kuasa mengenakan ses dan penyediaan belanjawan tahunan.

Bahagian V memperuntukkan kuasa meminjam, melabur dan mengambil ejen dan melantik penasihat teknikal. Memberi pinjaman, menubuh perbadanan, menggantung, membatalkan atau menolak untuk memperbaharui lesen serta membuat rayuan terhadap penggantungan atau pembatalan lesen.

Bahagian VI mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan, keterangan dan kesalahan dan merupakan pengemaskinian kepada peruntukan yang sama di bawah Akta PORLA sekarang.

Bahagian VII memperkatakan perkara-perkara am untuk melengkapkan lagi peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan di Bahagian Enam seperti peraturan mengawalselia industri kelapa sawit, membekal maklumat kepada lembaga, peruntukan-peruntukan am berhubung penalti, ganjaran, perlindungan kepada pemberi maklumat dan pegawai pengkompaunan kesalahan, permulaan dan perjalanan pendakwaan serta bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan di bawah akta ini.

Akhir sekali Bahagian VIII mengandungi peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui rang undang-undang ini industri minyak sawit akan dibangunkan oleh satu agensi sahaja dengan lebih bersepadu dan tanpa pertindihan tugas. Penubuhan LMSM akan dapat menyatupadukan sumber tenaga kakitangan, kepakaran serta juga kewangan yang tentunya dapat mengelakkan pembaziran di samping menjimatkan perbelanjaan. Dari segi socio-ekonomi pula, penubuhan LMSM akan membolehkan orang ramai dan industri yang berkaitan mendapat khidmat yang lebih sempurna kerana ianya diberikan oleh sebuah agensi secara bersepadu dan secara setempat.

Ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, melalui fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 ini, LMSM yang akan ditubuhkan nanti dapat menjuruskan pembangunan industri minyak sawit negara dengan lebih berkesan dan selanjutnya menentukan bahawa industri ini terus memainkan peranan penting di dalam kemajuan ekonomi negara menjelang abad ke-21 yang penuh cabaran dan persaingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979; untuk membubarkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia; untuk menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan

untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri kelapa sawit Malaysia dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Balik Pulau.

3.54 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil usaha menggabungkan institusi-institusi berkaitan dengan getah. Pada hari ini kerajaan telah pula mengemukakan rang undang-undang untuk menggabungkan semua badan berkanun yang berkaitan dengan industri minyak sawit untuk menubuhkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia dengan kita gabungkan PORIM dan PORLA. Sebelum tamat riwayat ataupun tamat hayat PORIM dan PORLA ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah saya kepada kedua-dua agensi ini; PORIM dan PORLA, kerana dalam tempoh pengwujudan mereka sejak beberapa puluh tahun, 20 tahun lebih ini, kedua-dua agensi ini telah menyumbang ke arah pembangunan industri minyak sawit dengan baik.

Kita dapat lihat bagaimana satu tanaman yang bukan native kepada Malaysia yang mana Malaysia sendiri tidak mempunyai kelebihan semula jadi yang banyak telah dapat dibangunkan untuk menjadi satu industri yang sebenarnya adalah antara industri yang terbesar di dalam negara ini. Pengajaran yang kita dapati daripada ini ialah memang Malaysia berkemampuan untuk mewujudkan kelebihan persaingan dalam pasaran antarabangsa dalam bidang-bidang yang mana kita tidak punya kelebihan semula jadi.

Kelapa sawit adalah merupakan satu contoh yang baik tetapi satu lagi pengajaran yang dapat kita belajar daripada sejarah kelapa sawit ini ialah untuk kita membentuk kelebihan persaingan sehingga kita boleh menjadi sebuah negar pengeluar dan juga pembangunan dan penyelidikan yang terbaik dalam

bidang ini, ianya mengambil masa yang agak panjang. Dari segi pengeluaran, misalnya, kita telah terlibat dalam bidang ini 30 tahun lebih barulah kita sampai ke tahap di mana Malaysia merupakan negara yang terulung di dalam penanaman dan juga penyelidikan berkaitan dengan minyak sawit ini.

Alhamdulillah, oleh kerana ada industri minyak sawit ini dalam keadaan krisis ekonomi yang kita ada sekarang ini, sekurang-kurang sektor ini – sektor peladangan khususnya minyak sawit ini, telah dapat sedikit sebanyak menampung pendapatan foreign exchange negara di dalam keadaan sektor-sektor perindustrian mengalami penguncupan yang agak ketara sekarang ini. Sebenarnya kalau tidak salah saya, hasil eksport minyak sawit ini melebihi daripada hasil eksport minyak mentah. Begitu besarnya sumbangan minyak sawit ini kepada negara dan seperti yang telah kita katakan dan juga telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ekoran daripada kejatuhan Ringgit dan juga masalah pengeluaran di Indonesia, kita lihat bahawa sekarang ini harga minyak sawit mentah (CPO) telah naik daripada lingkungan RM1,100 hinggalah dalam RM2,000 satu tan. Pada ketika ringgit jatuh RM4 lebih, ia sampai RM2,500 setan.

Saya menyokong rang undang-undang ini untuk menyatukan badan-badan berkanun yang terlibat dalam pembangunan minyak sawit ini pada satu agensi sahaja untuk meningkatkan kecekapan. Saya cuma ada beberapa soalan yang hendak saya kemukakan.

Yang pertamanya berkaitan dengan pengeluaran. Kita tahu seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa dalam pasaran minyak, lemak dan juga vegetable oil ini, dianggarkan bahawa dalam jangka masa pendek, pertengahan dan juga panjang, permintaan terhadap minyak sawit ini akan terus meningkat dengan ada peningkatan dari segi penduduk dalam dunia ini.

Persoalan yang timbul bagi Malaysia dari segi pengeluaran ini ialah sebenarnya adakah kita mempunyai satu dasar pengeluaran yang jelas kerana dasar pengeluaran ini berkait rapat dengan dasar bagaimana kita mengawal penggunaan tanah. Kita dapati bahawa dalam tempoh 10 tahun yang lepas apabila pulangan yang dapat diperolehi daripada membangunkan tanah-tanah ladang ini sama ada ladang kelapa sawit ataupun ladang getah dengan perumahan dan sebagainya mendatangkan pulangan yang lebih tinggi, maka kita dapati bahawa conversion tanah-tanah ladang ini kepada tanah-tanah pembangunan telah berlaku dengan banyak. Saya hanya mengagak, saya tidak tahu apakah kadar conversion tanah-tanah ladang ini kepada tanah pembangunan tetapi kita ingin mendapat gambaran sedikit berapa banyakkah kawasan ladang ini yang tidak ditanam semula tetapi ditukar syarat yang digunakan untuk pembangunan fizikal yang lain kerana kita tahu walaupun permintaan pasaran dunia untuk minyak sawit ini akan terus meningkat, kemampuan negara untuk membuka tanah-tanah baru untuk kita tambahkan keluasan pengeluaran kita adalah mungkin terhad, jadi cara lain yang kita boleh memenuhi permintaan yang dijangka akan meningkat lagi 10, 20, 30 tahun yang akan datang ialah untuk kita tingkatkan produktiviti pengeluaran tetapi peningkatan produktiviti pengeluaran juga adalah terhad – saya rasa mempunyai silingnya yang tertentu.

Pada masa yang sama kita juga berdepan dengan masalah penggunaan buruh. Di dalam sektor ini di kawasan ladang kita terpaksa menggunakan buruh daripada negara-negara luar untuk kita mengeluarkan amaun yang kita keluarkan sekarang ini. Soal pengeluaran juga berkait rapat dengan soal penggunaan buruh serta dasar kita tentang penggunaan tanah. Saya mohon kementerian memberi penjelasan sedikit tentang dasar penggunaan tanah dan conversion tanah ladang ini kepada penggunaannya yang lain.

Satu perkara lagi yang bersangkutan dengan pengeluaran ini ialah kita lihat dalam industri getah misalnya, kita ada berbagai-bagai skim, mungkin sebab ada pekebun kecil. Saya sendiri tidak mempunyai maklumat yang lengkap tentang struktur pengeluaran industri ini. Tetapi kita jangkakan bahawa selain daripada ladang, takrif ladang mungkin lebih besar daripada 100 ekar, ladang kecil daripada itu, pekebun kecil. Itu takrif getah, bukan tarif kelapa sawit, tetapi kita hendak tahu struktur pengeluaran minyak sawit ini macam mana dan untuk kita kekalkan kemampuan kita untuk bersaing dari segi kos pengeluaran untuk masa-masa depan. Adakah kita mempunyai perancangan untuk membantu sektor ini sepertimana kita bantu getah? Industri getah mempunyai berbagai-bagai skim dan kita membantu di sebelah pengeluarannya. Kita ada skim bantuan penanaman semula, skim bantuan baja masa penanaman semula dan sebagainya. Tetapi untuk kelapa sawit ini, kita tidak berapa jelas tentang apakah dia perancangan untuk kita membantu di sebelah sektor pengeluaran, ini kita tahu, kita mempunyai kekangan-kekangan yang tertentu untuk kita pastikan bahawa dalam 20, 30 tahun lagi kita masih lagi mempunyai kemampuan untuk bersaing dari segi kos. Ini pada saya merupakan persoalan yang paling penting dari segi pengeluaran kerana kita lihat dalam banyak komoditi yang lain, yang mana Malaysia pada satu ketika mengeluarkan komoditi itu. Sekarang pun kita mengeluarkan lada hitam, koko dan banyak lagilah komoditi-komoditi seperti itu.

Dengan peredaran masa, dengan perubahan struktur ekonomi, di dalam negara kita sendiri, dan peningkatan kos dalam negara, akhirnya kita mungkin hilang kemampuan untuk bersaing dari segi kos. Saya biasa melakukan sedikit kajian mengenai lada hitam di Sarawak, yang mana melibatkan ramai orang. Kita dengar tadi kelapa sawit ini pun melibatkan 250 ribu keluarga, kalau kita kali 4 pun dah sejuta orang. 80 ribu lagi pekerja

jadi sejuta lebih, satu juta satu ratus ribu orang. Jadi, macam lada hitam kita tengok sebenarnya kita bukan tidak boleh keluarkan komoditi itu tetapi kos pengeluaran kita telah menjadi terlalu tinggi. Dari segi kemampuan kita untuk bersaing ianya makin lama makin terhakis dan pada masa yang sama dalam pengeluaran mana-mana komoditi seperti kelapa sawit, getah ataupun koko dan sebagainya, penentuan harga bukan ditentukan sangat oleh pengeluar tetapi ditentukan oleh pengguna dan ditentukan di pasaran-pasaran komoditi ini.

Ini membawa saya kepada persoalan kedua, yang berkaitan bukan sangat dengan pengeluaran tetapi dengan perdagangan. Bagi saya, oleh kerana kita mempunyai kekangan jangka masa panjang dalam pengeluaran minyak sawit ini, kita hendak memberi tumpuan lebih kepada pulangan-pulangan yang boleh kita dapat daripada usaha perniagaan atau perdagangan minyak sawit ini.

Satu yang perlu kita beri perhatian ialah kita harus sedar bahawa apabila Indonesia menyelesaikan masalah mereka di rantau ini, Indonesia berkemungkinan menjadi pengeluar minyak sawit yang terbesar di dunia ini mengambil alih daripada Malaysia. Kita tidak mampu hendak bersaing dengan dia dari segi tanah dan juga kos buruh dan sebagainya. Jadi soalnya, bagaimanakah kita hendak menjual atau pun memperdagangkan kepakaran kita dalam penyelidikan dan juga pembangunan dalam minyak sawit ini untuk kita mendapat pulangan daripada perkembangan pengeluaran di negara-negara lain.

Kita tahu bahawa satu-satunya pasaran hadapan minyak sawit dalam dunia ini ialah Kuala Lumpur Commodity Exchange (KLCE). KLCE merupakan satu-satunya pasaran minyak sawit dalam dunia, dan kita hendak terus kekalkan KLCE sebagai pasaran hadapan minyak sawit yang terulung di dunia ini. Kita mahukan mungkin 20, 30 tahun lagi selepas sekali atau dua

kali production cycle minyak sawit ini kita tidak lagi jadi pengeluar utama tetapi kita masih mahu menjadikan KLCE sebagai pasaran utama yang menentukan harga minyak sawit. Kita ingin mendapat sedikit gambaran tentang apakah dia usaha yang telah dan dirancang untuk memastikan bahawa KLCE ini terus menjadi pasaran yang ulung dalam penentuan harga minyak sawit dan juga produk-produk yang lain.

Kita tahu bahawa dengan pindaan yang telah kita buat, KLCE sekarang ini bukan lagi di bawah Commodity Trading Commission tetapi telah dipindah milik penyeliaannya pada Securities Commission tetapi kita masih belum nampak pembangunan dalam pasaran itu. Sekarang ini yang diperdagangkan, yang ada volume yang diperdagangkan di KLCE hanyalah CPO, ada palm kernel oil tak berapa hendak berjalan, ada beberapa jenis komoditi yang lain yang tidak ada volume. Ada satu ketika kita juga memperkenalkan produk-produk seperti tin dan juga cocoa futures tetapi benda ini tidak mendapat perhatian, jadi kita ingin tahu selain daripada kita membangunkan R&D yang berkaitan dengan pengeluaran, kita juga tumpukan kepada usaha di sebelah perdagangan dan juga kewangan yang bersangkutan dengan minyak sawit ini, kerana kita rasakan dengan kekangan yang kita ada bahawa kelebihan persaingan yang ada pada negara ialah di sebelah trading dan juga financial services yang berkaitan dengan industri minyak sawit ini.

Apakah mungkin boleh kita perkenalkan produk-produk lain yang boleh diperdagangkan dalam Bursa Komoditi Kuala Lumpur ini ataupun seperti telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita hendak beri tumpuan kepada bukan minyak, pada biomass dan juga oleochemical dan sebagainya. Apakah mungkin kita boleh memperkenalkan penggunaan-penggunaan bukan minyak yang berkaitan dengan kelapa sawit ini untuk menjadi suatu input yang viable yang mana

mewujudkan pasaran depan untuk kita terus jadikan KLCE sebagai pasaran utama dalam hal minyak dan juga minyak sawit ini.

Apakah kita ada perancangan untuk kita perdagangkan minyak-minyak yang lain, minyak atau pun lemak vegetable yang lain dalam KLCE ini, kerana saya yakin dari segi pulangan, walaupun harga elok sekarang ini dari segi pengeluaran, tetapi pulangan daripada usaha perdagangan ini adalah jauh lebih tinggi usaha pulangan daripada usaha pengeluaran. Oleh kerana kita merupakan sebuah negara yang tidak berapa ramai orang, maka adalah lebih baik kita memberi tumpuan kepada usaha yang lebih menggunakan kepakaran ilmu untuk mendapat pulangan yang tinggi sesuai dengan kita punya kekangan-kekangan sumber yang ada dalam negara kita ini.

Akhirnya saya tertarik dengan kenyataan tadi yang mengatakan bahawa fokus setakat ini pun memang PORIM yang researchnya telah banyak membuat penemuan-penemuan dalam R&D dalam bidang ini, tetapi seperkara yang kita lihat berlaku di dalam industri getah misalnya, pengenalan pembuatan perabot berasaskan kayu getah telah menjadi sesuatu yang begitu besar. Sehingga sekarang ini ada orang yang hendak cari spesies getah, bukan hendak toreh getah, tetapi hendak bagi perdu biar besar, supaya kita guna kayu dan tidak berminat sangat hendak guna latex getah itu sendiri. Jadi apakah mungkin kita dapat dimaklumkan tentang kemungkinan dari segi biomass ini? Apakah mungkin kita dapat gunakan pada masa kita buat penanaman semula dan kita boleh komersialkan hasil daripada batang kelapa sawit ini, pelepahnya ataupun sisa-sisa daripada buahnya itu? Yang kita tahu setakat ini, ada diperkenalkan teknologi untuk mewujudkan 'board' papan-papan yang dibuat dengan menggunakan pelepah ataupun batang-batang daripada kelapa sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya hendak sentuh, cuma akhirnya ialah kalau tak silap saya ada satu lagi badan yang berkaitan dengan kelapa

sawit ini, iaitu Malaysian Palm Oil Promotion Council yang tidak termasuk dalam gabungan untuk kita wujudkan Lembaga Minyak Sawit ini dan mungkin kita dapat sedikit penjelasan, kita gabungkan Pelesenan dan Penyelidikan dalam satu Lembaga ini tetapi satu lagi badan berkanun yang berkaitan dengan promotion ini masih lagi berada di luar.

Soalan yang terakhir ialah dari segi organisasi, kita hendak wujudkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran dengan kita gabungkan institusi-institusi ini, tetapi soalan yang bersangkutan dengan ini juga ialah apakah ada anggaran dari segi penjimatan kos dengan kita menggabungkan. Kita memang harap ada peningkatan dari segi kecekapan dengan kita gabungkan dua badan berkanun ini, tetapi dari segi penjimatan kos, adakah kita mempunyai anggaran tentang pulangan dari segi itu, dengan usaha kita menggabungkan kedua-dua agensi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Bendera, sila.

4.13 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah membentangkan satu Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 untuk merasionalisasikan organisasi-organisasi minyak sawit dengan mencantumkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit

(PORIM) menjadikan satu organisasi sahaja iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM).

Pada hemat saya tindakan ini merupakan satu langkah yang bijaksana serta berwawasan, sejajar dengan dasar kerajaan untuk merasionalisasikan pentadbiran agar lebih padat dan berkesan serta lebih efisien. Sepintas lalu, kalau saya dapat imbas kembali tentang perkembangan tanaman kelapa sawit di Malaysia, seperti kita sedia maklum tanaman kelapa sawit datang daripada Afrika Barat dan diperkenalkan di Malaysia pada 1870-an sebagai tanaman perhiasan sahaja. Tanaman secara komersial hanya bermula pada tahun 1917 dan tanaman secara besar-besaran digalakkan pada tahun 1961 dengan tanam-tanaman pelbagai.

Kini, sektor minyak sawit di Malaysia merupakan satu tanaman yang terpenting di negara ini, bukan sahaja sebagai penyumbang pendapatan eksport, bahkan pekerjaan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Boleh dikatakan tanaman kelapa sawit boleh digelar sebagai tanaman emas (golden crop) dengan izin. Sebagai huraian ini, menunjukkan begitu pesatnya perkembangan tanaman kelapa sawit ini, iaitu pada tahun 1960 lebih kurang 50,000 ekar keluasan tanaman sahaja, tetapi kini pada tahun 1997, luasannya ialah lebih kurang 2.2 juta hektar, dan dari segi pengeluaran pada tahun 1970 lebih kurang 430,000 tan sahaja tetapi kini dalam tahun 1996, 8.2 juta tan dan dari segi eksport pula pada tahun 1972, 400,000 tan, tetapi pada tahun ini, lebih kurang 8.5 juta tan, dan jumlah pendapatan eksport lebih meningkat dalam lingkungan RM10 ribu juta dalam tahun 1966. Semua angka ini jelas menunjukkan begitu pesatnya kemajuan tanaman emas (golden crop) ini, dan ini akan merupakan satu sumbangan yang mustahak kepada Malaysia.

Walau bagaimanapun, dalam merintanginya cabaran-cabaran abad ke-21 serta pandangan dunia yang kian kompetitif, saya ingin menyeru kepada Kementerian Perusahaan Utama sebagai custodian industry ini harus menerajui

sektor ini bersama-sama dengan sektor swasta. Memastikan supaya industri ini kian berada pada tahap coefficient dan daya pengeluaran yang kompetitif.

Saya difahamkan kos pengeluaran lebih meningkat dan kadar extraction telah menurun, tambahan pula sektor ini juga menghadapi kekurangan tenaga kerja. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini, untuk menyeru kementerian agar melipatgandakan lagi usaha-usaha serta mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah-masalah ini. Tumpuan pula diadakan dalam penyelidikan supaya mechanisation, dengan izin, dapat dilaksanakan di estet-estet tanaman agar dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja. Jadi, nampaknya penyelidikan dalam segi ini mungkin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pengeluaran minyak kelapa sawit telah meningkat ke paras 8.2 juta tan, galakkan pasaran perlu dipertingkatkan.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Perusahaan Utama (KPU) telah memainkan peranan yang sungguh agresif dalam strategi pemasarannya dan saya berharap promosi sedemikian harus juga diteruskan.

Saya juga dapat tahu bahawa Kementerian Perusahaan Utama telah memperkenalkan skim bayaran kredit minyak sawit atau Palm Oil Credit and Payment Arrangement (POCPA). Pada pendapat saya, ini merupakan satu skim yang amat baik dari segi pemasaran. Pihak Amerika Syarikat mempunyai pelbagai skim seperti PL 480 Export Enhancement Programme dan sebagainya dalam pemasaran kacang soya. Saya berharap Kementerian Perusahaan Utama akan merumuskan lebih banyak skim lagi selain daripada POCPA sebagai satu strategi pemasaran bagi minyak sawit.

Menyentuh tentang pasaran, saya dapati bahawa PORLA mengeluarkan perangkaan setiap bulan tentang pengeluaran stok eksport dan sebagainya. Sementara itu, pihak swasta juga mengeluarkan angka-angka sedemikian seperti clip brake dan SGS. Keadaan begini adalah tidak sihat kerana ianya akan menimbulkan kekeliruan dalam pasaran. Kita tidak mahu menunjukkan keadaan manipulasi di KLSE. Saya harap Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang baru ini dapat merealisasikan keluaran perangkaan bersama-sama dengan pihak swasta yang lain. Saya juga berpendapat adalah terlalu kerap mengeluarkan perangkaan setiap bulan. Kalau tidak silap saya, USDA cuma mengeluarkan perangkaan suku tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, industri minyak kelapa sawit telah berkembang maju dengan amat baik. Hampir semua keluaran minyak sawit diproses dalam negara. Ini adalah suatu petanda baik. Namun demikian, usaha harus dipergiatkan lagi dalam memajukan lebih industri hiliran berasaskan minyak sawit. Salah satu industri yang perlu digalakkan ialah industri oleochemical. Industri oleochemical pada pendapat saya masih dalam tahap yang berkurangan. Langkah-langkah tertentu perlu diambil supaya satu hari nanti Malaysia boleh menjadi satu pusat oleochemical di dunia ini.

Oleh itu Kementerian Perusahaan Utama perlu merangka berbagai strategi agar oleochemical di negara ini benar-benar mengeluarkan barang keluaran oleochemical hiliran dan bukan sahaja barangan asas sahaja untuk

dieksport dan dijadikan barangan pengguna akhir di negara-negara lain. Saya difahamkan Kementerian Perusahaan Utama memang giat menuju ke arah ini. Mungkin dasar fizikal atau struktur eksport juga dirumuskan bagi mencapai matlamat ini.

Kini Malaysia menghadapi kekurangan tenaga pekerja dan pembukaan tanah bagi maksud sektor perladangan akan berkurangan. Oleh itu saya dapati bahawa usaha kerajaan dalam menggalakkan pihak swasta melabur ke luar negara dalam sektor perladangan adalah baik. Namun demikian, Kementerian Perusahaan Utama harus juga merumuskan satu mekanisme untuk mengawasi kemajuan dan perkembangan pelaburan perladangan di luar negara agar kepentingan negara dapat dilindungi dengan sewajarnya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Kementerian Perusahaan Utama perlu mengkaji semula lagi bagi menyusun semula struktur cukai eksport minyak sawit dan keluarannya demi mencerminkan lagi perkembangan semasa serta dengan hasrat supaya industri minyak sawit dapat terus bersaing di pasaran antarabangsa. Saya yakin bahawa dengan kepimpinan yang dinamis, industri minyak kelapa sawit terus berkembang dengan maju.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

4.25 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, dalam kegawatan ekonomi yang melanda negara masa kini, adakah wajar penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang menyebabkan tambahan peruntukan kewangan kerajaan dan perbelanjaan disegerakan? Atau adakah dengan pembubaran Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia boleh membantu kerajaan menjimatkan perbelanjaan negara?

Kedua-dua soalan ini memerlukan penjelasan asas kementerian sama ada perlu disegerakan atau ditangguhkan dahulu penubuhan Lembaga Minyak Sawit Malaysia? Bagi saya apa jua langkah penjimatan yang diambil, perlulah diberikan keutamaan.

Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 yang berada di depan kita sememangnya perlu dan sesuai dengan kemampuan minyak sawit sebagai penyambung hasil terbesar komoditi negara. Saya difahamkan bahawa jumlah eskport minyak sawit mentah Malaysia dalam tahun 1997 ialah 7.5 juta tan sedangkan harga purata tempatan ialah RM1,850 satu tan. Menurut Laporan Ekonomi 1997, nilai eksport minyak kelapa sawit mengatasi atau mendahului komoditi utama yang lain. Dalam tahun 1997, nilai eksport minyak sawit ialah RM10,703.9 juta. Diikuti oleh minyak mentah dan gas asli cecair, masing-masing mencatatkan RM7,090 juta dan RM6,503 juta.

Ini bererti industri minyak sawit mampu diperluaskan dengan pembukaan tanah baru dan dipertingkatkan penyegeraan tanaman yang ada. Walaupun Malaysia menduduki tangga teratas pengeluaran minyak sawit dunia sebanyak 52% dengan keluasan 2,615 juta hektar tanah, tetapi Indonesia yang kini mengeluarkan 28% akan mendahului Malaysia selepas tahun 2012 kerana ia masih mempunyai tanah yang luas. Oleh yang demikian, usaha negara amat penting supaya industri minyak sawit negara dapat diperluaskan ke negara-negara yang berpotensi melibatkan syarikat-syarikat Malaysia seperti negara Indonesia, Afrika Selatan dan Brazil. Kita tidak boleh berpuas hati dengan unjuran pengeluaran minyak sawit bagi tempoh 1998 hingga 2002 sebanyak 9.6 juta tan manakala Indonesia sebanyak 7.05 juta tan bagi tempoh yang sama.

Dalam keadaan nilai Ringgit kita rendah, apakah usaha-usaha yang telah diperbuat oleh kerajaan untuk mempertingkatkan pengeksportan minyak sawit ke pasaran dunia kerana suasana Ringgit yang rendah ini merupakan satu kelebihan Malaysia mempertingkatkan eksport sawitnya. Dalam tempoh enam bulan lalu, di manakah pasaran-pasaran baru antarabangsa telah diterokai oleh Malaysia di samping pasaran tradisi.

Jika Malaysia tidak merebut satu kelebihan ini, bererti negara gagal merebut peluang keemasan berikutan permintaan luar yang kukuh. Nilai Ringgit yang rendah dan penawaran dunia yang ketat bagi minyak sayuran dan lemak. Di sinilah pentingnya peranan Lembaga dalam membantu mempergiat

usaha promosi produk sawit yang kini mencapai 43 teknologi telah dihasilkan. Di peringkat wilayah, saya difahamkan Sabah dan Sarawak mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 14% dan 23.8% berbanding Semenanjung tetapi sumbangan hasil pengeluaran dari Sabah dan Sarawak masing-masing 1.7 juta tan dan 275,344 tan masih kecil walaupun wilayahnya luas.

Sarawak masih boleh memainkan peranan meluaskan tanaman kelapa sawit yang mana dijangka pada tahun 1999 sebanyak 24 ribu hektar akan dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit melibatkan pihak agensi kerajaan negeri, syarikat-syarikat swasta dan pemilik-pemilik tanah NCR. Namun faedah yang diperolehi oleh pemilik-pemilik tanah NCR mesti di pertingkatkan berbanding dengan agensi dan syarikat perladangan lain. Bagaimana rancangan kerajaan untuk membangunkan 1.5 juta hektar tanah NCR kepada perladangan? Janganlah para pemilik menjadi mangsa pembangunan setelah tanah mereka dikorbankan. Bagaimanakah tuntutan NCR (NCR claims) oleh kaum bumiputera Sarawak yang mana menurut adat mereka telah berpindah dan ditempatkan di tanah baru untuk meneruskan kehidupan sejak 40 tahun lalu. Di bawah Kanun Tanah Kerajaan Sarawak hanya mereka yang telah berpindah sebelum 1958 boleh menuntut hak tanah NCR. Ini bermakna ramai kaum bumiputera Sarawak hilang tanah dan kehidupan mereka di sana.

Seperti yang saya difahamkan ada 19 rumah panjang di Jalan Bintulu/Miri, yang mendapati tiba-tiba kawasan tanah mereka telah berpindah dan menjadi tanah kerajaan negeri. Adat tradisi kaum bumiputera sejak beratus-ratus tahun lalu membenarkan tuntutan tanah oleh kaum bumiputera berdasarkan cara hidup mereka. Tetapi menurut Kerajaan Sarawak yang hanya berusia 30 tahun lebih telah tidak membenarkan hal ini. Oleh itu, satu bentuk mekanisme perlu dijalankan untuk mengenalpasti dan mengiktiraf hak kaum bumiputera untuk menuntut tanah NCR dan untuk pertimbangan untuk Kanun

Tanah. Kaum Bumiputera patut juga berhak menentukan sendiri tanah NCR mereka atau tuntutan tanah NCR itu ditentukan oleh mereka. Sejauh manakah tanah itu digunakan untuk mencapai perimbangan antara perladangan komersial dan tanah untuk kehidupan tradisi mereka. Oleh itu, mereka patutlah diajak berunding dan diberikan peluang memilih.

Saya juga ingin menyentuh tanah-tanah kerajaan negeri yang dijual murah kepada golongan tertentu untuk dibangunkan tanaman kelapa sawit dan menafikan hak rakyat lain untuk mendapatkan tanah tersebut untuk perladangan kelapa sawit. Sepatutnya kerajaan hendaklah membuka tender secara terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk membelinya, ini lebih adil kepada rakyat yang berminat berbanding dijual murah secara tertutup dan rahsia. Bolehkah kerajaan sebut apakah cara jualan tanah-tanah kerajaan negeri sekarang untuk perladangan? Kepada pekebun-pekebun kecil yang berminat membuka ladang kelapa sawit kurang dari 5000 ekar perlulah juga diberi peluang memohon dan membeli tanah-tanah negeri yang dibuka untuk dijadikan ladang kelapa sawit. Apa yang terjadi selama ini mereka telah memajukan permohonan untuk membeli tanah-tanah kerajaan negeri, tetapi permohonan mereka tidak pernah dijawab dan dipertimbangkan dan sebaliknya tanah-tanah itu jatuh ke tangan pihak lain. Atas nama pembangunan tanah yang dijadikan ladang kelapa sawit, apa yang berlaku kita dapati alam sekitar terjejas. Hutan rimba yang selamat, kawasan tadahan dan menyimpan air menyebabkan air turun ke laut dan tidak dapat ditahan dan disimpan lagi oleh ladang-ladang kelapa sawit. Ladang-ladang sedemikian telah membinasakan kawasan tadahan yang menjadi sumber bekalan air bersih penduduk lain. Akibat kawasan tadahan terjejas oleh penanaman ladang kelapa sawit menyebabkan negara kehilangan banyak kawasan tadahan.

Pembangunan tanah yang tidak dirancang dengan teratur menyebabkan negara kehilangan sumber asli flora dan fauna musnah, digantikan dengan

ladang kelapa sawit. Ladang-ladang kelapa sawit ini pula dibajai dengan baja tiruan dan menyebabkan air sungai tercemar sedangkan air sungai merupakan sumber air sebahagian besar penduduk desa dan pedalaman Sarawak. Oleh kerana semua tanah adalah ditanami dengan tanaman tunggal kelapa sawit, kerosakan meluas alam sekitar terus melanda.

Kerajaan harus menjalankan kajian kesan alam sekitar (EIA) untuk memastikan sejauh mana perladangan kelapa sawit telah menjejaskan dan memusnahkan alam sekitar. Ini melibatkan kawasan baru yang hendak dibuka untuk tanaman kelapa sawit di mana kajian kesan alam sekitar ini walaupun dijalankan sebelum dibenarkan penebangan dan pembersihan tetapi tidak berkesan. Perladangan kelapa sawit sedikit sebanyak sebagai penyebab berlakunya kebakaran dan keadaan udara berjerebu yang melanda di utara Sarawak, Brunei Darussalam dan Sabah.

Berbalik kepada Rang Undang-Undang yang dibentangkan, setelah menyemak, saya dapati beberapa peruntukan yang boleh memberi kesan buruk kepada kelicinan peruntukan yang ada seperti di bawah Bahagian VI-Penguatkuasaan, Fasal 46 yang mana “Seseorang pegawai diberikuasa boleh menangkap tanpa waran ...” sesiapa yang didapati tidak memuaskan hatinya berdasarkan peruntukan yang ada. Kuasa ini sangat luas dan kemungkinan disalahgunakan tidak boleh dinafikan, jika seseorang yang pada fikiran pegawai tersebut itu bercakap bohong pasti menghadapi tindakan ditangkap tanpa waran.

Begitu juga dengan Fasal 47 majistret memberi kuasa kepada pengeledahan dan Fasal 48 - Penggelidahan tanpa waran. Saya tidak fikir bahawa seseorang pegawai perlukan waran sedangkan ia boleh menggelidahkan sesuatu premis atau mana-mana saja tempat memerlukan waran majistret dan tiada siapa pun boleh menahannya, jika ia menyalahgunakan kuasa ini.

Sungguhpun ada peruntukan Fasal 47, tetapi ia tidak akan digunakan oleh pegawai dan peruntukan ini menjadi tidak diperlukan.

Begitu juga Jadual Pertama, nombor 5 - Penzahiran kepentingan, bahawa seseorang anggota lembaga yang berkepentingan tidak boleh hadir dan mengambil bahagian dalam apa-apa pengimbangtelitian atau keputusan lembaga yang berhubung dengan kontrak atau perkara itu melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi Lembaga. Ini bererti Pengerusi boleh membenarkan seseorang ahli mengambil bahagian dalam sesuatu pengimbangtelitian atau keputusan yang melibatkan kontrak yang ia mempunyai kepentingan di dalamnya. Untuk mengelak penyalahgunaan kuasa, maka eloklah rangkaian “dan melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh pengerusi” dipotong dari maksud peruntukan tersebut.

Mengenai keanggotaan Lembaga di bawah Fasal 6(f), saya mencadangkan supaya ditambah keanggotaan supaya melibatkan wakil pengguna atau persatuan pengguna, kerana pengguna merupakan golongan terbesar yang ada hubung kait dengan industri kelapa sawit ini sebagai pengguna. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tambun.

4.40 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh secara ringkas sahaja. Pertama saya menyokong tindakan kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997. Seperti mana kita sedia maklum bahawa isu utama yang kita hadapi ialah untuk kita mempertahankan daya saing kita dalam industri minyak sawit di peringkat antarabangsa. Kita sedia maklum bahawa negara Indonesia diramalkan pada tahun 2010 akan

mengeluarkan sebanyak 12.6 juta tan minyak sawit berbanding dengan kita 12 juta tan, dan selepas daripada tahun itu, iaitu bagi tahun-tahun seterusnya, Indonesia akan mengatasi kita dari segi pembekalan minyak sawit kepada pasaran dunia.

Saya menyokong Rang Undang-undang tersebut memandangkan bahawa kita menghadapi berbagai cabaran untuk kita mempertahankan kedudukan kelebihan daya saing kita dalam bidang tersebut, sepertimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi.

- (i) Kita menghadapi persaingan daripada negara-negara pengeluar sawit berkos rendah di Indonesia, Thailand dan juga Brazil, yang mana kos buruh di negara tersebut hanya merupakan 30% daripada kos buruh di negara kita;
- (ii) kita menghadapi persaingan daripada minyak kacang soya, minyak sunflower dan minyak jagung hasil daripada pertambahan pengeluaran minyak kacang soya, minyak sunflower dan minyak jagung;
- (iii) cabaran dari segi halangan tarif dan bukan tarif di pasaran antarabangsa;
- (iv) kos pengeluaran yang meningkat;
- (v) kekurangan buruh; dan
- (vi) kekurangan tanah yang sesuai.

Dengan yang demikian untuk kita mempertahankan kedudukan kita, kita memerlukan untuk meningkatkan penggunaan kepakaran dan teknologi yang kita mempunyai kepakaran terutama dalam R&D bagi meningkatkan pengeluaran, iaitu pengeluaran kelapa sawit ataupun 'yield' bagi satu hektar, menangani masalah kenaikan kos, menambah dan menpelbagaikan kegunaan bahan kelapa sawit, menghasil dan mencipta produk-produk baru dan

menambahkan kegunaan biomass agar industri sawit Malaysia jauh lebih kehadapan daripada negara-negara lain di pasaran antarabangsa.

Saya berharap melalui penggabungan PORLA dan PORIM ia akan meningkatkan efisiensi Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang akan menggabungkan kedua-dua fungsi di bawah badan tersebut, dari segi penggunaan kepakaran, kewangan, kelengkapan dan juga hasil-hasil penyelidikan. Di samping itu saya berharap hubungan badan kerajaan atau agensi kerajaan dengan pihak swasta dalam industri ini dapat diperteguhkan melalui Rang Undang-undang yang baru ini. Kerana kita sedia maklum di dalam bidang ini antara sebab kita mencapai kedudukan kelebihan daya saing adalah kerana perkongsian yang bijak antara kerajaan dan swasta, di mana kita tahu di syarikat swasta seperti Guthrie Golden Hope dan sebagainya berlaku R&D yang telah membantu untuk meningkatkan mutu minyak sawit kita keperingkat antarabangsa.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai dengan industri ini sebelum saya menamatkan ucapan saya.

Pertama tentang isu utama yang dibangkitkan oleh rakan saya tadi dari Balik Pulau tentang kos pengeluaran yang meningkat, saya dapati kos pengeluaran CPO pada tahun 1994 adalah sebanyak RM562.00 setan, ia telah meningkat kepada RM667.00 setan pada tahun 1995. Peningkatan ini dikaitkan terutama kos buruh dan kos pengurusan ladang. Kos buruh dijangka akan meningkat 100% daripada kos tahun 1992 kepada tahun 2002, 200% pada tahun 2012 dan 300% pada tahun 2022. Ini bermakna bahawa kos pengeluaran penuh (total production cost) akan meningkat tiga kali ganda pada tahun 2020. Dengan peningkatan kos tersebut 'competitive advantage' kita dalam bidang ini akan tercabar, di samping ia memberi tekanan ke atas kadar pulangan bagi pelaburan dalam industri tersebut. Jadi oleh yang demikian, saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan saya bahawa usaha

mesti dijalankan untuk kita dapat mempertahankan kos pengeluaran kelapa sawit supaya tidak meningkat lebih tinggi daripada itu.

Sehubungan dengan itu, saya berharap dalam proses kita mencari inovasi melalui penggunaan teknologi dan sebagainya untuk meningkatkan kedudukan daya saing industri kelapa sawit Malaysia, kita harus melihat dari segi pengurusan ladang yang mesti ditingkatkan efisiensinya. Saya dapati bahawa efisiensi pengurusan ladang sawit merupakan 20% daripada efisiensi ladang kacang soya dan jagung, dan ini adalah disebabkan penggunaan mesin yang rendah dalam industri kelapa sawit. Adalah didapati bahawa penggunaan mesin di ladang kelapa sawit hanya merupakan 30% sahaja, dan nisbah tersebut cukup rendah. Saya berharap bahawa satu usaha yang harus dilakukan oleh Lembaga nanti adalah untuk mencari teknologi-teknologi baru agar dapat meningkatkan penggunaan mesin dalam industri sawit.

Di samping itu, saya dapati akibat daripada pengurusan ladang yang berbeza antara satu ladang dengan satu ladang, kita dapati bahawa pengeluaran hasil di dalam negara kita ini antara ladang A dengan ladang B dan seterusnya amat berbeza, dia tidak standardise, terutama kalau kita banding antara ladang yang dimiliki oleh swasta dengan ladang yang dimiliki oleh pihak kerajaan seperti FELDA dan FELCRA. Kita dapati bahawa pengeluaran ladang-ladang ini agak jauh lebih rendah daripada pengeluaran ladang-ladang yang dimiliki oleh pihak swasta. Saya berpendapat bahawa isu ini harus kita tangani, kerana di sinilah peluang kita untuk menghasilkan lebih banyak lagi keluaran daripada ladang kelapa sawit.

Satu lagi perkara yang saya dapati, yang perlu kita beri tekanan adalah dari segi penghasilan benih berprestasi tinggi. Kita dapati bahawa berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan sekarang ini satu hektar ladang kelapa sawit mengeluarkan hasil lebih kurang 18 hingga 20 tan FFB setahun. Dalam kajian-kajian yang dilakukan, keluaran FFB bagi satu hektar ladang boleh

ditingkatkan sehingga ada terdapat penemuan sampai 30 tan sehektar, dan malahan ada sampai 39 tan sehektar. Jadi sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa kita perlu meningkatkan penyelidikan kita untuk memastikan bahawa purata pengeluaran ladang kita dapat di tingkatkan kepada tahap yang telah dieksperimenkan oleh badan-badan yang tertentu. Malahan melalui benih PS1 adalah difahamkan boleh meningkatkan hasil ladang kita sebanyak lebih 36%, jadi kalau ini dapat dilakukan ini bermakna dalam persaingan kita dengan negara Indonesia untuk menguasai pasaran minyak sawit dunia, kita tidak akan ketinggalan.

Diharapkan pada tahun 2010 walaupun mengikut ramalan Indonesia akan mengatasi kita, kita akan dapat terus mempertahankan kedudukan kita. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mesti mempelbagaikan kegunaan pengeluaran minyak sawit, dari pengeluaran bahan yang biasa kita keluarkan seperti minyak sawit yang mana minyak sawit merupakan 95% daripada keuntungan pendapatan yang kita perolehi dalam bidang tersebut. Bidang-bidang lain perlu kita terokai biomass umpamanya merupakan 89.5% daripada 'total dry matter, dalam industri tersebut yang masih belum digunakan .

Walaupun ada digunakan, ia lebih berbentuk untuk kegunaan sebagai bahan baja bagi kegunaan ladang tersebut.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh berkaitan dengan sektor ini adalah tentang pengeksportan benih kelapa sawit. Saya difahamkan bahawa sekarang kerajaan tidak menggalakkan pengeksportan. Saya mendapati dalam kajian saya iaitu kawasan baru, tanaman baru dan tanaman semula bagi seluruh dunia adalah seluas lebih kurang 400,000 hektar setahun di mana Indonesia akan membuka ataupun menanam semula sebanyak 250,000 hektar setahun manakala negara kita 100,000 hektar setahun. Keperluan benih untuk peringkat antarabangsa adalah sebanyak 120 juta benih setahun manakala bekalan kita

hanya 50 juta benih setahun. Malahan dari segi keperluan benih antarabangsa, benih yang dikeluarkan oleh negara kita adalah yang terbaik yang dikehendaki oleh mana-mana negara sekalipun. Masih ada lagi terdapat jurang di antara permintaan dunia sebanyak 120 juta benih setahun dengan 50 juta yang kita keluarkan.

Selain dari itu, industri kelapa sawit memerlukan penggunaan baja yang banyak. Kita dapati bahawa pengurusan ladang yang menggunakan banyak baja dengan campuran komponen yang baik akan menghasilkan pengeluaran yang lebih tinggi daripada ladang yang kurang menggunakan baja. Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa kita perlu membangunkan industri baja tempatan. Buat masa ini, kita banyak mengimport baja dari negara-negara luar dan ia telahpun mengakibatkan kepada defisit akaun semasa negara kita. Dengan kita mempunyai industri baja tempatan, tentu kita dapat menjimatkan tukaran asing.

Saya juga ingin memberi pandangan tentang soal pelaburan luar negara. Oleh kerana kita menguasai bidang ini, dari segi kepakaran kita saya dapati antara strategi yang harus kita laksanakan untuk mempertahankan competitive advantage adalah untuk kita melabur di negara-negara luar. Saya difahamkan banyak juga syarikat-syarikat kita dan juga agensi-agensi kerajaan yang melabur di Indonesia, Thailand dan Phillipina, kita patut menggalakkannya, diperluaskan lagi bukan sahaja dari segi kita melabur untuk membuka ladang semata-mata tetapi juga untuk membuka kilang pemprosesan di negara-negara luar. Dengan adanya kilang pemprosesan di negara-negara luar, kita akan dapat menguasai pasaran di negara-negara tersebut. Dengan cara itu, kita akan dapat mempertahankan kedudukan kita di peringkat antarabangsa. Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

5.55 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini kerana saya menganggap kelapa sawit merupakan salah satu sektor yang terpenting di negara ini dan juga kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telahpun mengajak saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini pada minggu yang lepas. Cuma saya berharap beliau tidak akan terpengaruh dengan gesaan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana pada minggu yang lepas, beliau dipengaruhi dan digesa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri seolah-olah bertindak balas dan jawapan beliau itu tidak tepat dan tidak munasabah. Dan sekarang nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada lagi, kita diharapkan mendapat jawapan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali, janganlah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencontohi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan ‘merapu, merapuh, merapor, meramu serta meramus’ [*Ketawa*] kerana beliau tidak dapat membeza-bezakan perkataan-perkataan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bersetujulah kita mesti menggabungkan badan-badan penyelidikan dan pendaftaran dan juga untuk menjadikan satu Lembaga yang memang berkesan dan efektif yang dapat memberi sumbangan yang lebih kepada industri kelapa sawit. Ini memang kita setuju. Tetapi saya hendak membangkitkan beberapa perkara yang saya nampak ada kelemahan.

Yang pertama, saya berharap Yang Berhormat dapat menyiasat dengan menyeluruh sektor penyelidikan di dalam Lembaga ini ataupun di dalam PORIM. Di dalam beberapa tahun sejak tertubuhnya PORIM, beberapa orang sudah meletak jawatan terutamanya penyelidik. Penyelidik meletak jawatan dan kita kaji mengapa mereka ini meletak jawatan. Adakah kerana tidak puas

hati dengan apa yang terjadi di dalam PORIM ataupun mereka ada karier yang lebih cerah di luar. Selepas kita membuat penyelidikan yang menyeluruh, kita tahu inilah sebab musabab yang mereka meletak jawatan dan kemudian kita mengadakan langkah-langkah betul untuk menarik lebih ramai cerdik pandai untuk menyertai PORIM dan pada beberapa bulan yang kelak Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia (LMSM) sekarang. Dengan adanya LMSM kita berharap mutunya lebih tinggi dengan menjadi Lembaga sekarang.

Walaupun, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kala saya ada dengar sungutan dan rungutan daripada sesetengah kakitangan yang mengatakan sistem tidak adil dalam PORIM. Sistem tidak adil yang tidak mewujudkan suasana yang baik untuk penyelidikan, pengurusan dan sebagainya. Saya bersetuju ada setengah-setengah penemuan, setengah-setengah langkah yang diambil itu betul juga. Kalau tidak betul masakan kita dapat hasil juga untuk kelapa sawit kerana pada tahun yang lepas kita dapat RM13 bilion, bukan satu angka yang kecil dan memang merupakan satu sektor yang memberi sumbangan yang besar kepada industri dan ekonomi negara.

Saya berharap tahun ini kita lebih lagi, mungkin RM15 bilion yang dieksportkan tahun ini untuk kelapa sawit. Walau bagaimanapun, dari segi kakitangan di dalam PORIM dan di dalam Lembaga kelak, saya berharap Yang Berhormat tidak akan terpengaruh dengan bertindak kerana gesaannya, kerana Yang Berhormat ini terlalu 'beramus' sehingga menggondolkan rambutnya [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi mengenai kakitangan, kita mesti tarik lebih ramai lagi orang yang berkaliber untuk benar-benar buat penyelidikan dan pada suatu ketika, kita ada buat penyelidikan di mana boleh dikeluarkan petroleum daripada minyak sawit. Itu baik cuma, petroleum kalau hendak dijadikan satu bahan komersial daripada kelapa sawit memang mengambil masa kerana buat masa ini juga kita ada petroleum daripada dasar

laut kita dan mungkin pada jangka pendek kita tidak dapat menjayakan, komersialkan petroleum daripada minyak sawit. Mungkin tidak, tetapi kita pasti itu satu penyelidikan yang betul juga dan pada masa ini satu cadangan saya ialah kita menggunakan hasil daripada kelapa sawit untuk bahan-bahan makanan binatang ternakan. Walaupun ada usaha juga daripada pihak PORIM ‘penyelidikan biologi’, dia kata dan dia keluarkan juga sedikit sebanyak mungkin boleh dipertingkatkan lagi kerana peratusan kadar itu sedikit sangat untuk makanan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok RM11 bilion jumlah import untuk makanan kita ialah sebahagian besar mungkin RM8 bilion, RM9 bilion itu kerana kita beli bahan-bahan makanan untuk ternakan dan mungkin sektor kelapa sawit boleh memberi sumbangan yang lebih untuk kita kurangkan import bagi makanan ternakan kita kerana banyak datang daripada kacang soya. Di sinilah kita mesti buat penyelidikan yang lebih untuk mengurangkan import makanan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sebutkan di sini sebelum saya menyentuh dengan lebih teliti mengenai penyelidikan untuk mengeluarkan bahan-bahan hiliran yang sangat kurang sekarang. Sebelum ini kita mesti mempertingkatkan kempen lagi kerana saya nampak Yang Berhormat Menteri pun ada buat kempen juga di Eropah dan Amerika Syarikat untuk menentang kempen pihak kacang soya yang meruntuhkan, buat fitnah terhadap Malaysia yang keluarkan minyak kelapa sawit yang dianggapkan tidak sesuai ialah kualiti itu tidak baik, kolesterol yang tidak baik di dalam minyak kelapa sawit tetapi sebenarnya bukan, saya ada baca penemuan ataupun fakta yang dikeluarkan oleh pihak kementerian mengenai kelapa sawit, memang minyak kelapa sawit adalah baik dan mungkin lebih baik daripada kacang soya. Kita mesti mempertingkatkan kempen ini untuk selama-lamanya kerana Yang Berhormat

dari Tambun tadi, sekarang dia cakap dengan baik juga, sebelum ini dia buta sejarah sedikit.

Kita ada dengar Yang Berhormat dari Tambun kata orang Melayu tidak berniaga sehingga tahun 1957 sahaja, berapa tahun sahaja, sebab dia tidak pernah dengar ada Kesultanan Melaka, tidak pernah dengar Sri Wijaya dan Majapahit. Dia tidak pernah dengar beberapa ratus tahun dahulu ada peniaga-peniaga yang daif.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia ini merapu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia mula sekarang ini. Jangan terpengaruh dengannya. Yang Berhormat Tambun tadi ada buat cadangan baik juga di mana dia kata, 'kita mesti meningkatkan mesin technology high-tech, teknologi tinggi untuk sektor-sektor kelapa sawit'. Ini memang betul, memang betul kerana menurut beliau 'efficiency'nya 20% sahaja kalau berbanding dengan kacang soya, sebab itulah, hari ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tambun. Kita mesti mempertingkatkan dan sebelum itu kita mesti memperhangatkan kempen kita dengan terus-menerus. Kita mesti mengarahkan pihak kacang soya ini sebab kalau kita berjaya mungkin pasaran kacang soya akan terjejas, mungkinlah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cara-cara penggunaan baja, penggunaan racun-racun makhluk perosak dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah amaun yang digunakan, bahan-bahan kimia seumpama ini untuk kelapa sawit dan juga adakah cara biologi digunakan? Mungkin burung hantu digunakan untuk mengurangkan penggunaan kimia untuk mencegah makhluk perosak kerana memang di ladang-ladang kelapa sawit banyak kimia digunakan untuk memastikan pengeluaran kelapa sawit itu banyak tetapi saya harap kementerian mestilah menggunakan peluang setelah LMSM diadakan. Kita boleh buat lebih penyelidikan untuk mengurangkan kimia-kimia untuk mencegah makhluk perosak dan digantikan cara biologi mungkin lebih

berkesan. Walaupun Padang Terap tidak banyak kelapa sawit di situ.....*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila bangun.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu burung hantu digunakan untuk membasmi tikus dan tikus bukan makhluk perosak kelapa sawit. Yang Berhormat cakap itu, tidak ada fakta, tidak ada kebenaran. Tikus dalam padi sahaja, kelapa sawit tikus tidak kacau.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang dia kaki merapu *[Ketawa]*.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Makhluk perosak itu, dialah!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Padang Terap itu dia menjaga Kementerian Kewangan sahaja. Sekarang dia bertanggungjawab untuk Kementerian Perusahaan Utama juga. Ini memang masalah kalau timbul macam ini bertindih-tindih kuasanya.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya tikus itu tidak merosakkan kelapa sawit.

Dr. Tan Seng Giaw : Soal saya, saya menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengkaji apakah cara biologi yang kita boleh gunakan untuk mencegah makhluk perosak. Itu cara, mungkin rama-rama kita boleh gunakan. Dia senyum sekarang dengar 'rama-rama'.

Tuan Yang di-Pertua: Setahu saya ada ladang kelapa sawit yang memelihara burung hantu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada ya.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun tahu tapi Padang Terap dia pelik sedikitlah. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, rama-rama pun bukan jadi makhluk perosak kelapa sawit. Makhluk perosak kelapa sawit yang paling bahaya yang sedang dijaga oleh negara kita ialah cendawan. Namanya 'fonmesnoccius'.

Dr. Tan Seng Giaw : 'Fonkenoccius' kah?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: 'Fonmesnoccius' [Ketawa] Cendawan ini banyak di Nigeria. Sebab itu orang-orang balik dari Nigeria ini diperiksa oleh pihak kuarantin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tanya apa authority saya bercakap. Ijazah saya yang pertama ialah Bachelor of Agricultural Science. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bercadanglah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tukarkan jawatan dia. [Ketawa] Tukarkan jawatannya, dia pakar agriculture sekarang. Dia Sarjana Muda Pertanian sebab itulah masalah timbul di Kementerian Kewangan. [Ketawa] Dia gunakan cara pertanian di Kementerian Kewangan [Ketawa]. Itulah masalah kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tadi memang kita mesti berusaha untuk menggunakan cara-cara biologi termasuk burung hantu untuk mengurangkan kimia-kimia yang digunakan untuk memelihara kelapa sawit. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat mana kejayaannya sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, sampailah kita untuk menerangkan sedikit sebanyak mengenai produk-produk hiliran kelapa sawit, sebab industri ini kita nampak sangat lemahlah di dalam bahagian hiliran. 90% daripada keluaran minyak sudah dieksport, tinggal 10% di negara, itu sahaja kita gunakan. Itupun kita keluarkan oleochemicals, oleochemicals memang penting, ini satu kimia yang penting untuk negara ini. Dari segi minyak oleochemicals ini, saya pun merasa gembira kerana pihak kementerian sudah mengadakan satu advanced Oleochemicals Technology Centre, pusat

teknologi oleochemicals, ini memang sedap kita dengar, tetapi kita tahulah, Tuan Yang di-Pertua, kita ada 15 kilang untuk mengeluarkan 740,000 tan metrik oleochemicals dan 90% pengeluaran ini sudahpun dieksport kepada Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah. Ini bermakna negara ini sangat lemah, dan daripada 15 kilang ini lebih 50% dimiliki oleh syarikat-syarikat multinasional asing.

Sebab itulah saya mencadangkan supaya kita memberi peluang dan menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana untuk mengambil bahagian di dalam industri Oleochemicals ini. Bukan sahaja oleochemicals Tuan Yang di-Pertua, minyak sawit boleh mengeluarkan banyak, Vitamin E pun boleh. Setakat ini kita tidak nampak IKS yang mengambil bahagian di dalam bidang ini. Ini merupakan satu kelemahan yang besar, cuma multinasional asing sahaja yang sangat aktif dalam bidang ini dan saya berharap dengan adanya Lembaga kita boleh menggalakkan IKS dan juga syarikat-syarikat besar kita sendiri untuk memajukan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleochemicals ini memang saya sebutkan di sini kerana sangat penting. Negara ini tidak mempunyai teknologi yang tinggi untuk memajukan industri oleochemicals ini dan apakah kementerian boleh buat selain daripada penubuhan LMSM, kerana setakat menubuhkan LMSM tak cukup, kita mesti berusaha untuk memajukan industri-industri yang telah saya sebutkan tadi kerana, Tuan Yang di-Pertua, misalnya pihak Amerika Syarikat, pihak Eropah, multinasional. Tetapi di negara mereka itu banyak menggunakan 'branched alkyl benzene sulphonate' (BAS). Ini orang yang pakar dalam pertanian pun tidak tahulah BAS. Dia memang tidak tahu, 'branched alkyl benzene sulphonate', dia bidang kimia dan orang agriculture tidak tahu, orang pertanian tidak tahu, terutamanya daripada Padang Terap.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sombong!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, pihak syarikat-syarikat multinasional asing menggunakan, menjual detergent yang mengandungi BAS dan ini memang satu kimia yang bisa yang boleh mencemarkan sungai-sungai dan tasik-tasik dan memang ini satu cara yang tidak baik dan kita ada oleochemicals dan produk-produk oleochemicals boleh dimajukan untuk mengganti BAS. Itu cara yang baik, mungkin kita galakkan Yang Berhormat dari Padang Terap mengadakan kilang di Padang Terap untuk orang Padang Terap juga, sesuai kerana itu ada sedikit sebanyak, ada tasik sedikit, ada pelancong sedikit di situ. Banyak orang susah di situ kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun dia berusaha tetapi tidak cukup. Kalau saya ada peluang sedikit, saya hendak pergi tengok sendirilah kerana ia ada pusat rekreasi juga. Saya nampak ada tasik, tasik yang mungkin dicemar oleh BAS juga.
[ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita mesti menggalakkan pihak kementerian dan LMSM untuk memajukan oleochemicals yang boleh kita menggantikan BAS. Ini satu bidang yang memang boleh kita tingkatkan usaha kita untuk mencapai matlamatnya.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang ketiga besar mengeluarkan oleochemicals dalam dunia iaitu kita dapat menguasai hanya 12% daripada pengeluaran dunia. Walhal kita jual pada tahun ini minyak sawit yang paling banyak di dunia sekarang, dua tiga tahun yang lepas, yang akan datang Indonesia akan mengatasi pihak Malaysia, kita tahu dah. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, ini kita tidak kisah kerana kualiti minyak kita baik, kita boleh dengan senang hati beri teknologi kepada Indonesia dengan begitu sahaja, tidak payah kita buat apa-apa, kita buat penyelidikan dan kita hantarkan penemuan-penemuan kepada

pihak Indonesia, itu baik, dia kata. Kita tidak payah buat apa-apa, kerana kualiti kita baik, ini memang satu sikap mesti diubahkan sedikit.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya dari Kepong dia menyindir tadi. Untuk pengetahuan dia, pembangunan kelapa sawit di Malaysia adalah bergantung kepada pemberian teknologi dari Indonesia di dalam pembenihan dahulu - 'Delidura' kalau Yang Berhormat sedia maklum. Yang Berhormat sebelum hendak bercakap, belajarlah sejarah dahulu. Jadi kita membangunkan industri kelapa sawit dengan mengambil teknologi dari Indonesia. Benih yang mula digunakan ialah Delidura daripada Deli, Indonesia, Sumatera. Yang Berhormat, Deli bukan dekat dengan Kepong, di Sumatera, Indonesia.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ha, bodoh!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang dia kaki merapu, bukan tahu apa. *[ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: 'Meramus' dia, menggondolkan rambut sahaja. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya bukan perli dia, kerana memang Yang Berhormat kata kita mesti ada teknologi kelapa sawit, kita boleh beri kepada Indonesia begitu sahaja. Tak payah kita jaga, tak payah. Beri dengan begitu sahaja, senang sahaja. Masalah apa yang ada di Kota Setar sekarang?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Pokok Angsana.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: 35 (1) dia cakap merapu, lepas tu dia tengok macam orang jual ubat. 35(1). *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Apa 35(1)?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tak payah buat ruling, sila Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah. Saya ingat, dengar-dengar 35(1). Seolah-olah inilah daripada Al-Quran. Al-Quran bukan, bukan itu, baik Pokok Angsana kita balik untuk mengkaji di Pokok Angsana ada kelapa sawit atau tidak, kalau ada macam mana kita boleh memperbaiki keadaan terutamanya untuk pekebun-pekebun kecil, kerana 500,000 pekebun kecil kelapa sawit sekarang, tiap-tiap tan minyak kelapa sawitnya yang dikeluarkan oleh pekebun kecil, ia mesti beri kepada pihak Kementerian Perusahaan Utama RM57.50 sen untuk mensubsidi minyak masak itu, dan kalau Pokok Angsana dia memang mengambil perhatian, prihatin kepada kesusahan pekebun-pekebun kecil, memang dia balik ke Pokok Angsana untuk mengkaji adakah RM57.50 sen setan ini dibayar kepada pihak kementerian untuk mensubsidikan minyak masak. Itulah lebih baik daripada kata peraturan 35(1).

Tuan Yang di-Pertua, kita hanya menguasai 20% daripada keluaran oleochemicals di dunia dan saya mencadangkan usaha yang diambil untuk menjadikan kita pengeluar yang terbesar di dunia, kerana kita mempunyai bahan mentah yang cukup, dan kalau LMSM memainkan fungsi yang baik, peranan yang berkesan, kita mesti boleh menjadi dalam mungkin 3 hingga 5 tahun akan datang jadi pengeluar oleochemicals yang terbesar di dunia. Ini memang lebih baik daripada bangunan yang tertinggi. Lebih baik daripada bangunan yang tertinggi di dunia - lebih baik dan waktu itu kita boleh lebih banggalah. Saya setuju kalau kita boleh ada bangunan yang tertinggi, itu memang baik juga menunjukkan kita mempunyai kemampuan, tetapi kalau bangunan itu tingginya dah macam itu, kita tiada air untuk makan, minum, tak guna juga.

Seorang Ahli: Merapu!

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Memang gilalah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Hah? Tak guna juga, mana ada gunanya. Nasib baik ‘pokok angsana’ tidak kekurangan air makan, ‘ayak’ dia kata di situ. Ayakkah?

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, dia ini merapu ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak balik kepada tajuk, tetapi ada gangguan sedikit.

Seorang Ahli: Kurang siuman.

Dr. Tan Seng Giaw: Parit yang sulong sekarang. Tak! Dia sudah senyap sekarang kerana menjadi Pengerusi MARA sekarang ini. *[Ketawa]*
Memang senyap dah! Tak banyak dah rungutan-rungutan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya kita adakan usaha yang lebih untuk menjadikan satu negara yang terbesar yang keluaran oleochemicals kerana bahan yang penting untuk abad yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaburan, tadi saya sebutkan lebih 5% datang kepada multinasional asing dan saya pun ada cadangkan IKS kita digalakkan untuk menyertai bidang ini untuk melabur lebih banyak. Bolehkah kementerian mengadakan satu dana dengan maksud, mungkin bekerjasama dengan pihak Kementerian Kewangan kerana pihak Kementerian Kewangan ada dana untuk IKS. Mungkin kita boleh bekerjasama dengan pihak Kementerian Kewangan supaya dana ini boleh digunakan untuk membantu IKS yang berminat untuk melabur di dalam oleochemicals. Ini memang satu perkara yang baik, kerana setahu saya orang yang memohon untuk dana IKS daripada Kementerian Kewangan pun tidak begitu ramai. Mungkin Yang Berhormat dari Padang Terap boleh balik untuk mengkaji bagaimana boleh membantu pihak Kementerian Perusahaan Utama untuk menjayakan skim-skim seumpama ini, dengan menggunakan dana IKS dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sebanyak mengenai masalah sumber manusia. Setahu saya setiap tahun kita ada pekerja-pekerja asing. Pekerja-pekerja asing yang peratusannya tinggi di dalam sektor kelapa sawit. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bilangan pekerja asing yang terlibat di dalam sektor ini sekarang, dan apakah rancangan mengenai sumber manusia ini. Adakah kita akan sanggup kurangkan, kepada misalnya 200,000 pekerja asing pada tahun 2000 sebagai satu sasaran, satu matlamat, dan kemudian apakah terjadi kepada pekerja kita dan teknologi untuk yang lebih canggih, kerana teknologi kelapa sawit sekarang rendah, sangat rendah.

Apakah rancangan sambil meninggikan teknologi kelapa sawit dan mengurangkan pekerja asing, sebab masalah sekarang buah-buah kelapa sawit ini, memang ada yang jatuh berselerak, dan kalau kita panggil Yang Berhormat Pokok Angsana untuk fikir sedikit macam mana kita hilang hasil ini berbilion-bilion ringgit setahun, kerana tiada orang yang minat. Yang Berhormat Pokok Angsana, kalau dia tidak bising sangat, boleh fikir dengan semasak-masak, bagaimana kita boleh menolong Kementerian Perusahaan Utama untuk cari cara pungut semua kelapa sawit yang jatuh, yang berselerak, yang dibuang dengan begitu sahaja, membazir sahaja, kerana ini memang satu...

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Peratuan 35(1) lagi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Sebelum pada itu, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat dari Kepong, saya bukan dari kawasan Pokok Angsana, tetapi Pokok Sena. Untuk makluman, sampai dia tua tak reti-reti lagi ni, orang Kedah kata.

Yang kedua, saya hendak minta penjelasan yang dia berucap berkenaan Akta ini nampak cukup baik, tetapi adakah tujuan beliau untuk hendak berucap mengambil alih Penolong Setiausaha DAP.

Sebab sekarang kosong, nak kosong, jadi dia berucap ini nampak gaya untuk mempengaruhi kawan-kawannya untuk melantik dia sebagai Penolong Setiausaha juga.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bolehlah, dia sakit otak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita nak bincang bagaimana kita boleh menolong memperbaiki perindustrian kelapa sawit. Dia nak campur rumah tangga orang. *[Ketawa]* Kalau rumah tangga sendiri pun masalah timbul, gocoh lagi, gaduh lagi, itu tak kira, sekarang hendak campur tangan di dalam urusan orang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan mengenai bagaimana kita boleh meningkatkan efisiensi untuk memetik kelapa sawit yang sekarang ini banyak membazir, berbilion-bilion ringgit yang tidak dierti oleh pihak Yang Berhormat Pokok Angsana, cuma asyik dengan campur tangan rumah tangga orang lain. Baru sahaja dia pergi ke Mina setahun lepas, dia pergi Mekah dan bila balik dia hendak campur tangan urusan orang lain. Ini memang menentang dengan agama.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Menyampuk]* Dia ni, memang sakit otak betul. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, masalah itu kita mesti mengurangkan pembaziran di sektor minyak kelapa sawit kerana memang kalau kita boleh menyelamatkan iaitu mengurangkan pembaziran ini kita boleh menjimatkan berbilion-bilion ringgit, sedikit sebanyak akan membantu kegawatan ekonomi kita kerana kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada teori yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap, teori relativiti dia pada satu masa, relativiti dia di dalam ekonomi sekarang itu sudah

tidak boleh dipakai. *[Disampuk]* Bukan, berapa tahun dia sebutkan teori relativiti untuk ekonominya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta teruskan ucapan. Kawan-kawan yang lain hendak mengambil bahagian juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang saya nak teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Gulung..gulung...

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana nak gulung pula? Tak sampai masa nak gulung, seolah-olah dia pengerusi sekarang. Belum sampai masa menjadi Tuan Yang di-Pertua lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai 500,000 pekebun kecil kelapa sawit yang memberi subsidi secara tidak langsung kepada pengeluar minyak kelapa sawit dan seterusnya membantu kerajaan mengawal dan menstabilkan harga minyak kepada RM3.30 sen sekilogram sekarang. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan dengan jasa daripada pekebun-pekebun kecil ini, apakah insentif daripada pihak kementerian kerana 500,000 pekebun kecil ini mengeluarkan 700,000 tan. Bukan kecil jumlah pengeluaran minyak kelapa sawit dan dengan itu sumbangan pihak pekebun-pekebun kecil ini, apakah rancangan untuk mereka? Kerana mereka buat jasa untuk negara, bagaimana kita boleh memelihara kepentingan mereka.

Itu memang saya berharap nanti ada jawapan yang positif mengenai masalah pihak pekebun-pekebun kecil. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, apakah bantuan yang diberi oleh pihak kementerian kepada 500,000 pekebun-pekebun kecil kelapa sawit ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai penggabungan PORLA dan PORIM iaitu mengenai kakitangan, bukan sahaja kita hendak cungkil yang berbakat, yang berkaliber, bahkan juga yang ada sekarang dengan percantuman ini, apakah yang akan terjadi dengan mereka ini? Bolehkah Yang Berhormat

sebutkan bilangan mereka yang terbabit di dalam skim pencantuman? Apakah akan terjadi, apakah insentif, apakah nasib mereka?

Ini memang satu perkara yang penting. Kalau kita hendak menjaga, memelihara hak mereka, kita mesti adakan satu rancangan yang lebih ketat, lebih munasabah untuk menggalakkan mereka memberi sumbangan yang baik kepada Lembaganya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini memang bukan main cantik laporan PORIM dan laporan PORLA. Memang bukan main, cantik tetapi cantik sahaja untuk laporan tidak cukup. Memang tidak cukup. Bukan main, tengok, ooi cantik itu, gambar berwarna, misalnya 'reaksi kesesuaian, tampang, pemencilan ganoderma daripada kelapa sawit'. Memang sedap kita dengar - 'tampang, pemencilan ganoderma'. Memang cantik bahasa itu pula dan sebagainya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit sebanyak kelemahan juga. Daripada angka-angka ini kita boleh dapat ada kelemahan-kelemahan yang tertentu yang saya harap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian misalnya mengenai perbelanjaan oleh PORIM, perbelanjaan oleh PORLA, usaha untuk mewujudkan satu Lembaganya ialah untuk mengurangkan perbelanjaan, pembaziran dan sebagainya. Itu memang saya alu-alukan, cuma setakat ini kita nampak misalnya, satu kos....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Seorang Ahli: Sila gulung.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat baca di dalam laporan itu, usaha-usaha untuk pemencilan ganoderma daripada batang pokok kelapa sawit. Apa kena mengena dengan perbelanjaan tadi? Saya ikuti ucapan Yang Berhormat secara logik, jadi apa kena mengena dengan cantiknya gambar ganoderma tadi? Yang Berhormat tahu apa itu 'ganoderma'? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok gambar yang cantik dan saya sebenarnya tidak faham, memang tidak faham dan dia kata ini satu patologi tumbuhan dan sains rumpai. *[Disampuk]* Macam mana you tak nampak, kita diminta untuk meluluskan rang undang-undang yang penting? Kita tidak tahu, cuma kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerangkan tetapi Yang Berhormat dari Padang Terap pun tak tahu mengenai ganoderma.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya nak tanya dia, apa kaitan dengan cantiknya gambar ganoderma dengan perbelanjaan itu tadi. Saya faham, ganoderma itu ialah kulat yang besar yang makan batang pokok itu. Untuk Yang Berhormat tidak faham, sama dengan kulat yang menjadi bahan siflis Yang Berhormat jadi pakarnya itu. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, cuma saya bangkitkan hal ini untuk meminta pihak kementerian supaya kita benar-benar mengkaji perbelanjaan belanjawan pihak PORIM supaya kita dapat menjimatkan wang ini. Kita dapat hasil yang banyak dan kita dapat perbelanjaan yang lebih berhemat. Itu lebih baik. Itulah kelemahan setakat ini di mana saya nampak perbelanjaan PORIM itu sangat tinggi. Itu maksud saya, bukan makhluk perosak sahaja.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat, cuma saya tak faham apa correlation, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, antara cantiknya ganoderma itu dengan peningkatan perbelanjaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada berkaitan kerana ini satu laporan yang cantik. Ini bermakna menelan belanja yang banyak. Kalau gambar seumpama ini memang mahal hendak dikeluarkan gambar yang cantik ini. Memang mahal. Itulah maksud saya. Padang Terap itu...

Seorang Ahli: Bukan roketlah, itu bukan roket.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan memberi peluang kepada orang lain sekarang kerana memang ada banyak di dalam buku laporan ini yang Pokok Angsana pun tidak pernah baca. Cuma dia angguk sahaja.

Memang ada banyak perkara yang saya tidak akan sebutkan daripada butiran ini kerana akan membuang masa. Cuma saya menyeru sekali lagi..... *[Disampuk]*. Lama dah, dia anggap ucapan saya tak bernas langsung. Hai, memang sangkaan jahat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyeru supaya kita dapat menjimatkan wang dengan percantuman kedua-dua institut ini. Dengan adanya Lembaga ini saya berharap kita benar-benar boleh mengalih kepada pengeluaran dengan penggunaan teknologi canggih kerana kita sangat rendah dari segi teknologi ini. Ada satu kebaikan untuk produk-produk minyak kelapa sawit, ini ialah kerana ia memang biodegradable pada abad akan datang akan menjadi satu perkara yang baik. Kerana pada abad akan datang mereka tidak akan menerima lagi kimia-kimia racun yang bisa. Produk-produk sawit memang mengandungi kimia-kimia biodegradable yang boleh diterima dunia. Ini memang kita galakkan semua ini dapat dimajukan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, masalah harga kelapa sawit sekarang walaupun kita nampak ada baik, ada tinggi, tetapi ada satu ramalan bahawa tidak lama lagi harga itu akan jatuh, dan apakah rancangan pihak kementerian untuk menstabilkan harga kelapa sawit kerana maktumlah 9% daripada keluaran kita ialah dieksportkan. Kalau kita ada perubahan harga naik-turun memang ini akan menjejaskan industri kelapa sawit. Walaupun dalam setahun kita boleh eksport sampai RM13 bilion, itu satu perkara yang baik.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Muar.

5.43 ptg.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengambil masa yang panjang untuk membahaskan bil ini kerana apa yang hendak diperkatakan telah diperkatakan oleh banyak Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi saya hendak memperkatakan apa yang tidak diperkatakan dalam bil ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa 20 tahun PORLA dan PORIM ditubuhkan industri kelapa sawit telah menjadi satu industri yang cemerlang, yang berkembang lebih pesat daripada industri getah. Hasil pengeluaran kelapa sawit lebih 52% datangnya dari pekebun-pekebun kecil. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap tadi tidak ada seorang pun memperjuangkan pekebun-pekebun kecil. Apakah sumbangan yang patut kita buat kepada pekebun-pekebun kecil....

Dr.Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Hendak beri jalan, dia bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Malang sungguh, kita baru sahaja bincang mengenai pekebun-pekebun kecil - 500,000 ribu pekebun kecil tadi. Yang Berhormat tak tahulah sama ada dengar ataupun tidak.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Saya dengar Yang Berhormat itu kata bilangan pekebun-pekebun kecil itu sebanyak 500,000 tetapi dia tak cakap, tidak memperjuangkan apa yang patut dibuat untuk pekebun-pekebun kecil. Itu yang saya pertikaikan. Saya bekerja di Kementerian Pertanian tahun 1963, daripada masa itulah kita mula memikirkan membangunkan industri kelapa sawit. Saya bekerja di bawah kementerian itu, Menterinya ialah Yang Berhormat Tan Sri Khir Johari pada masa itu dan saya bekerja di bawah Dato' Liew Sip Hon, pada masa itulah kita mula memikirkan bagaimana hendak

mengembangkan industri kelapa sawit. Tetapi dalam masa 20 tahun ini nampaknya industri kelapa sawit telah berkembang sangat dan sangat membanggakan. Satu daripada sebab-sebabnya saya ingat kerana research PORIM itu terkeluar daripada MARDI. Kalau PORIM ataupun research kelapa sawit tinggal dalam MARDI harus perkembangannya tidak begitu pesat, macam mana kita rasai pada hari ini.

Apa yang saya hendak katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kita patut memikirkan apa cara hendak menolong membantu pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan hasil lebih daripada 52%. Yang penting sekali patut difikirkan sekarang ini ialah cara mana kita hendak menolong mereka ini untuk menanam semula kelapa sawit. Dalam Rang Undang-Undang ini tidak disebutkan sedikit pun tentang bantuan menanam semula kelapa sawit, hanya menyebut tentang research and development.

Tetapi tidak satu pun menyatakan bagaimana replanting atau tanam semula kelapa sawit itu patut dibuat. Rasa saya sudah sampai masanya patut kita fikirkan diadakan satu skim replanting untuk kelapa sawit bagi pekebun-pekebun kecil. Di sini ada sebut kita boleh memungut ses tetapi tidak menyebut ses replanting ataupun replanting cess .

Saya suka mencadangkan kepada kerajaan khasnya pada Kementerian Perusahaan Utama supaya diwujudkan satu Lembaga Menanam Semula Kelapa Sawit. Wujudkan satu tabung khas untuk tanam semula kelapa sawit dan dipungut ses replanting untuk tanam semula kelapa sawit dan tiap-tiap RM1 yang dipungut daripada ses replanting, kerajaan hendaklah membiayai RM1 - One-to-one. Rasa saya kalau perkara ini dapat diatur maka kita akan membuat satu sumbangan yang besar kepada industri kelapa sawit khasnya kepada pekebun-pekebun kecil.

Saya pernah bertanya kepada Menteri Perusahaan Utama tentang penanaman semula kelapa sawit oleh pekebun-pekebun kecil, beliau berkata

mereka ini bolehlah pinjam duit daripada bank, susah nak pinjam duit untuk menanam kelapa sawit bagi pekebun-pekebun kecil dari bank-bank komersial.

Saya juga suka mencadangkan kerajaan wujudkan satu dana sebanyak RM250 juta. Diberikan dana ini untuk diuruskan oleh Bank Pertanian khas untuk memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil hendak menanam semula kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua tentang pembangunan kelapa sawit di luar negara kita pergi sampai ke Latin Amerika, ke Afrika untuk membuka ladang-ladang kelapa sawit. Tetapi di negeri Sarawak ada mempunyai 3.5 juta hektar tanah yang boleh dimajukan untuk kelapa sawit. Saya cadangkan supaya kerajaan negeri Sarawak mengadakan satu formula yang baru supaya tanah NCR ini dapat dimajukan untuk manfaat natives lebih kurang 1.2 juta di Sarawak itu untuk membangunkan tanah-tanah NCR itu untuk dimajukan dengan ladang kelapa sawit.

Yang ketiganya, saya minta pada badan baru yang hendak ditubuhkan ini supaya semua hasil kajian kita itu hendaklah disifatkan sebagai trade secret. Kadang-kadang hasil research yang dibuat oleh PORIM kita sebarkan ke merata-rata dunia pada hal itu trade secret kita, begitu juga dahulu RRI menyebarkan semua kajian research ke negara-negara asing. Bila negara-negara asing itu mula menanam getah, mereka ini menjadi satu cabaran kepada kita.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kuala Pilah.

5.50 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian membahaskan serba sedikit Rang Undang-undang Lembaga Minyak

Sawit Malaysia 1997 ini. Terutama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian yang telah berjaya mewujudkan satu akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia yang menggabungkan banyak badan yang pada dahulunya berasingan seperti Lembaga Pendaftaran, Perlesenan Minyak Kelapa Sawit, Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit dan apabila digabungkan ini menampakkan satu keseragaman dan satu keadaan yang boleh kita tadbirkan lebih licin dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga.....

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah. Apakah pendapat Ahli Yang Berhormat kerana nama lembaga ini Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM). Apa pendapat Yang Berhormat kalau Lembaga ini dipindahkan nama sebagai Lembaga Sawit Malaysia ataupun Lembaga Kelapa Sawit Malaysia supaya apa yang kita hendak buat dirangkumi oleh nama lembaga ini.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Yang Berhormat, saya pun apabila tengok tadi istilah nama pun susah eden hendak jawab, apabila sampai bil ke Dewan ini kita hanya boleh beri komen sajalah. Saya harap kementerian boleh jawab itu nanti. Saya sudah cakap banyak kali, apabila membentangkan bil-bil ini rasanya kita di Dewan ini sebagai Ahli Yang Berhormat hanya boleh beri pandangan saja, dan tidak boleh membuat suatu perubahan setakat ini melainkan ada sesuatu perkara yang boleh dibangkitkan

oleh pihak kerajaan khususnya kepada Timbalan Perdana Menteri ataupun Perdana Menteri. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya fikir wujudnya Lembaga A adalah bertujuan cukup baik dan apabila kita mewujudkan suatu akta baru dan saya percaya semua pihak, pihak kementerian, semua pihak yang berkaitan telah pun dipanggil untuk memberi sebagai input untuk menentukan akta ini dapat dilaksanakan lebih baik untuk masa-masa akan datang.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan, pertama sekali berkaitan dengan peranan dan fungsi lembaga yang ada termaktub seperti seksyen 4. Di sini kita pun sedia maklum bahawa pokok kelapa sawit ini adalah satu-satunya anugerah Allah S.T.W yang telah di anggap sebagai satu pokok yang memberi banyak manfaat, banyak kebaikan ekonominya kepada yang telah mengambil alih pokok getah pada suatu ketika dahulu. Dan kita faham hari ini pokok kelapa sawit atau pun produk kelapa sawit adalah satu-satunya memberi sumbangan ekonomi kepada negara Malaysia yang begitu jelas sekali, dari segi pokoknya, buahnya, daunnya dan semuanya sekali ada nilai ekonominya (economy value).

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, kita berharaplah lembaga ini dapat berfungsi dan menggembelngkan segala tenaga untuk menentukan, mengambil peranan atau pun keadaan saintifik yang canggih masa kini untuk mempertingkatkan kualiti buahnya, kualiti pokoknya dan juga kepada orang-orang yang terlibat dalam industri kelapa sawit ini. Di sini saya ada menyebut tadi, berkenaan fungsi-fungsi seksyen 4, dan tak payah saya ulas satu persatu kerana ada termaktub dalam akta ini.

Yang ketiga, berkenaan seksyen 35 ada menyebut soal kutipan 'ses'. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan perkara ini, soal ses ini perlu didefinasikan lebih luas. Kita tidak mahu kutipan ses ini dan hanya apabila kita tidak jelaskan dengan jelas; takut dia akan menjadi masalah di masa akan

datang. Seperti mana berlaku kutipan ses pada RISDA masa kini. Kita tidak mahu ada kementerian, menteri lain pula tuduh suatu masa ketika nanti duit ses telah dilenyapkan. Pernah kita dituduh oleh pihak kementerian, dan di sini saya hendak nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini segala fungsi-fungsi, tujuan ses itu hendaklah disenaraikan betul-betul. Dan di sini saya tidak nampak dengan jelas hanya menyatakan ses mengikut seksyen 35, yang ini pun saya minta pihak 'AG' jugalah atau, pihak mana-mana.

Seksyen ini pun nampaknya sudah tidak betul kalau dicomparekan, dibandingkan dengan istilah bahasa Inggerisnya. Seksyen 35(1) menyatakan: "Menteri boleh setelah berunding dengan Menteri Kewangan, membuat perintah bagi pengenaan, pengubahan atau pembatalan ses atas keluaran kelapa sawit yang dikeluarkan di atau....." saya kata ada perkataan tinggal itu kalau saya bandingkan (compare) dengan istilah dalam bahasa Inggerisnya sepatutnya perkataan 'dalam' tinggal. Inilah rupanya bila bawa bil ke dalam Dewan ini pun satu perkataan bagi saya penting maknanya dan kita tidak mahu diperkatakan nanti, kita di dalam Dewan yang mulia Ahli Parlimen 'stamping pad' saja. Dan saya haraplah sebelum bil-bil dikemukakan ke Dewan yang mulia ini, satu perkataan tinggal pun ada melambangkan kelemahan kita dan Tuan Yang di-Pertua, ini jelas sekali sebagai teguran saya yang jelas dan kepada Dewan yang mulia ini. Dan juga ses yang dikatakan tadi pembatalan ses atau keluaran kelapa sawit yang dikeluarkan atau dieksport di Malaysia dan perintah itu boleh menentukan jenis 'amaun', kadar ses itu dan kadar pungutan ses itu.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman pahit kita ada sebagai contoh yang di alami oleh pihak RISDA dan ses ini perlu kita jelaskan, apakah tujuan fungsi-fungsinya dan juga tadi ada seorang sahabat saya dari Muar atau Yang Berhormat dari Kepong, menyatakan apakah bentuk insentif dan apakah juga kepada pekebun-pekebun kecil, kalau mengambil contoh Akta RISDA ses ini

dikutip waktu bila? Waktu di 'factory' ataupun 'export point'. Pengalaman lama kita dalam RISDA dahulu mengikut dieksport, tetapi hari ini Tuan Yang di-Pertua, bahan-bahan mentah ini tak semua kita eksport, banyak kadangkalanya kita gunakan dalam domestic use ataupun di kilang-kilang dalam Malaysia. Saya rasa pihak kementerian telah pun mengambil permasalahan kita ini membuat kutipan ses ini di factory-factory yang berkenaan apabila minyak sawit ataupun kelapa sawit ini di keluarkan di mana-mana sahaja dalam negeri, dan kalau sudah dibuat itu saya mengucapkan syabas untuk mengelakkan kekurangan kutipan itu esok akan melemahkan aktiviti-aktiviti yang akan digunakan dalam industri kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sebut seperti sahabat saya dari Muar ada sebut kelapa sawit ini mengikut apa yang dimaklumkanlah, saya bukan pakar dalam perkara ini, ia umurnya ada dalam had 25 tahun atau lebih kurang selepas itu tidak menampakkan begitu ekonomikal. Oleh yang demikian, apabila pokok-pokok ini sudah tua dan tidak begitu produktif lagi, bagaimana kedudukan tanam semulanya dan di dalam akta ini tidak menjelaskan dan di sini wajar kerana di dalam bentuk getah sekarang ini .Sungguhpun saya dan kita semua tahu getah kalau dibandingkan dengan kelapa sawit, kelapa sawitlah yang sepatutnya kita utamakan kerana mengeluarkan hasil yang lebih ekonomikal. Dan dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, perlu dan wajar tidak ada akta ini menyatakan sesuatu badan yang akan bertanggungjawab untuk membekalkan kewangan dari segi tanam semula.

Bagi estet-estet besar, tidak mengapa kerana mereka ada keupayaan. Bagaimana kedudukan pekebun-pekebun kecil yang ada 3 ekar, 2 ekar dan 5 ekar dan pengalaman kita seperti getah, kita ada RISDA, tanam semula tetapi dalam kedudukan ini bagaimana dalam Lembaga ini? Jadi patut juga dipertimbangkan supaya akta ini menampakkan satu akta yang menyeluruh membuat satu liputan ataupun aktiviti yang menyeluruh.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan juga berkenaan yang disebutkan tadi oleh rakan-rakan, saya hendak tambah sedikit. Pada masa-masa kebelakangan ini menampakkan banyak juga syarikat yang disenaraikan di BSKL atau syarikat-syarikat besar gergasi membuat aktiviti tanaman kelapa sawit di luar negara Malaysia seperti di Thailand, Indonesia, Kemboja, Vietnam dan sebagainya. Bagaimana Lembaga ini dapat membuat kawal selia ataupun memantau segala aktiviti itu untuk mendapatkan manfaat yang lebih kepada Lembaga dan kepada negara kita.

Dari segi sektor-sektor perkilangan umpamanya, di mana sahaja ada estet kelapa sawit, untuk mengurangkan kos pembiayaan memproses wajar diwujudkan kilang-kilang kelapa sawit di tempat-tempat yang berkenaan. Bagaimana kedudukannya kalau estet-estet ini ada di luar negara dan dijalankan oleh syarikat-syarikat kita di Malaysia sebagaimana kata sahabat saya daripada Sarawak sebentar tadi ada banyak tanah lagi di Malaysia ini dan apakah pengkhususan serta tindakan kita untuk memberi penekanan bagi mempertingkatkan tanaman kelapa sawit di dalam negara dahulu. Kita juga tidak menahan, kita menggalakkan syarikat-syarikat gergasi kita membuat aktiviti di luar negara untuk mendapatkan pertukaran wang kepada negara. Tetapi sebagaimana saya katakan tadi, aktiviti-aktiviti dalam negara kita patut diperkembangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi produk-produk kelapa sawit dan saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah bertungkus-lumus berusaha menangkis mencari jalan apa sahaja persaingan yang begitu hebat oleh pengeluar-pengeluar minyak seperti soya dan sebagainya. Dalam konteks ini, badan ini akan dapat mencari apa sahaja pengusaha kerana bidang sains dan teknologi kita telah begitu tinggi supaya kita tidak terkebelakang atau ketinggalan agar mengeksploitasikan segala usaha

dari segi kelapa sawit dapat kita manfaatkan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Teluk Intan, selepas ini Timbalan Menteri akan menjawab.

6.05 ptg

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini bila perbahasan dimulakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa apabila Lembaga ini ditubuhkan ia akan memainkan peranan yang berkesan mengenai pekerja-pekerja di ladang kelapa sawit.

Jadi dalam hal ini, saya hendak tahu apakah peranan-peranan yang tertentu yang akan dimainkan oleh Lembaga ini, lebih-lebih lagi pada masa sekarang di mana lebih satu juta rakyat Malaysia ada kena-mengena terus dengan kegiatan kelapa sawit di negara ini. Kebelakangan ini, kita semua tahu di negara ini kita sangat berkurangan pekerja-pekerja di ladang-ladang dan telah diketahui juga bahawa kebanyakan pekerja-pekerja asing telah diambil untuk bekerja di ladang-ladang ini tetapi perkara mustahak yang mungkin tidak difahami oleh beberapa orang dalam kementerian adalah kenapa pekerja-pekerja yang sedia ada rela untuk keluar bekerja dari ladang-ladang kelapa sawit dan kenapa yang ada itu tidak suka atau tidak rela untuk mengadakan pekerjaan yang full time di tempat-tempat tersebut, dengan izin.

Saya difahamkan kebanyakan rakyat Malaysia tidak suka bekerja di ladang-ladang kelapa sawit kerana pendapatan mereka tidak berapa lumayan walhal dalam setahun ini harga kelapa sawit telah melanda lebih 100% tetapi pendapatan pekerja-pekerja di ladang-ladang kelapa sawit tidak naik hingga 10% pun dari tahun dahulu. Jadi dalam keadaan ini, apakah Lembaga akan membuat untuk membawa kebaikan supaya rakyat Malaysia yang sedang berada di ladang-ladang kelapa sawit akan menikmati kebaikan kenaikan harga

kelapa sawit di seluruh dunia dan di Malaysia sendiri. Dalam hal ini, apakah tindakan yang akan diambil oleh Lembaga supaya pekerja-pekerja ini dapat memberi tempat-tempat yang baik di mana dapat mengurus kelapa sawit dan mendirikan rumah-rumah yang tetap supaya pekerja-pekerja ini dapat manfaat-manfaat yang tertentu untuk mereka duduk dan bekerja di ladang-ladang kelapa sawit dan juga untuk keluarga-keluarga. Dan apakah tindakan yang diambil dalam arena ini.

Selain dari itu, saya juga difahamkan ada banyak kekurangan sumber manusia di ladang-ladang kelapa sawit dan saya difahamkan sebelum ini sebenarnya Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengaku bahawa oleh kerana kekurangan pekerja-pekerja kita telah rugi sebanyak lebih dari 3 bilion dollar setahun. Jadi dalam keadaan ini macammata kita akan mengatasi bukan secara membawa pekerja-pekerja asing kerana ia membawa masalah-masalah yang tertentu tetapi dengan mengadakan pekerja-pekerja yang rela ada tetapi tidak memberi pendapatan yang baik untuk mereka dapat melaburkan sepenuh masa dalam ladang kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai pelaburan oleh beberapa syarikat yang tertentu di Malaysia yang melabur dalam penerokaan kelapa sawit di luar negeri terutama sekali di Medan dan Indonesia. Baru-baru ini Perbadanan Kemajuan Negeri Perak sendiri telah melabur berjuta-juta ringgit di Medan membuka tanah dan menanam kelapa sawit. Jadi, dalam hal ini apakah rancangan atau polisi Lembaga yang akan ditubuhkan. Adakah perkara macam ini digalakkan, jika digalakkan apakah rasionalnya. Adakah syarikat-syarikat swasta juga digalakkan untuk melabur berjuta-juta ringgit di luar negeri, walhal kita sendiri di negara ini ada tempat-tempat yang cukup dan lebih sekuriti untuk membuka tanah-tanah tersebut untuk menanam kelapa sawit. Apakah sebab kerajaan dan syarikat-syarikat kerajaan sendiri melabur. Adakah ini disebabkan oleh beberapa faktor dan

polisi yang tidak konsisten atau hanya mementingkan pendapatan yang lebih dari luar negeri.

Dalam hal ini juga, apakah Lembaga akan buat kepada pihak-pihak yang telah melabur - saya difahamkan berjuta-juta ringgit di negara Indonesia yang sekarang menghadapi masalah untuk mendapat balik keuntungan. Saya difahamkan mereka tidak dapat membawa balik wang dari Indonesia oleh kerana perkara-perkara yang tertentu. Selain daripada yang tidak dibenarkan, saya difahamkan juga mereka diarahkan untuk tidak membawa Rupiah atau mata wang lain keluar dari negara Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya ingin menyentuh mengenai R&D, Research and Development. Sebelum ini Lembaga dan sebelum itu PORIM dan sebagainya telah melabur beratus-ratus ribu ringgit dalam petroleum dan apakah terjadi kepada kelapa sawit untuk menghasilkan petroleum dan menjadi satu main income earner kepada negara ini? Apa terjadi kepada perkara ini? Adakah ini lagi digalakkan? Di manakah kita berada dalam arena ini dan apakah tindakan yang sudah diambil supaya satu hari nanti kita boleh bergantung kepada pengeluaran petroleum daripada kelapa sawit? Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Timbalan Menteri, sila jawab.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak kementerian dan kerajaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, Bukit Bendera, Bintulu, Tambun termasuk juga Kepong walaupun merapu begitu lama. Ahli Yang Berhormat daripada Muar, Kuala Pilah dan juga Teluk Intan yang telah membangkitkan beberapa cadangan, teguran yang membina di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang Akta

Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 yang telah dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan yang mulia ini.

Seperti yang saya telah sebutkan semasa pembentangan tadi untuk menjawab dakwaan dan teguran Yang Berhormat daripada Bintulu sama ada wajar atau tidak kita mewujudkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia kini dan sama ada ia dapat dimanfaatkan dan membantu negara dalam usaha memulihkan ekonomi kita sekarang. Sukacita ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Rang Undang-undang Minyak Sawit Malaysia 1997 ini telah digubal bagi membolehkan PORIM dan PORLA digabungkan bukan untuk ditambahkan. Apabila akta ini berkuatkuasa dan urusan penggabungan selesai hanya satu agensi sahaja iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM) dan juga Malaysian Palm Oil Board dalam Bahasa Inggeris, akan wujud.

Maka, niat hasrat dan tujuan kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini sesungguhnya ialah di atas keprihatinan, kepekaan dan juga pragmatism yang wujud dalam usaha kita untuk memperkemaskan lagi untuk memperhebatkan lagi dan juga untuk mempertahankan lagi kekuatan-kekuatan yang sedia ada. Ini bermakna apa yang kita ingin cadangkan dan bentangkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah hasrat kita untuk memperkemaskan fungsi kedua-dua agensi ini. Kedua, ianya untuk membangun secara bersepadu secara lebih menyeluruh dan juga secara lebih teratur pendekatan dan juga program-program, untuk membangunkan industri kelapa sawit. Tujuan mewujudkan LMSM ini juga adalah untuk melaksanakan dasar-dasar dan program-program merancang penyelidikan-penyelidikan yang sedia ada, memperkemaskan aktiviti kawasan dan kawal selia, menjimatkan perbelanjaan, mengelakkan daripada pembaziran supaya hanya satu agensi sahaja yang wujud yang bersepadu dan setempat.

Di atas hujah-hujah dan alasan-alasan yang saya nyatakan tadi, jelas bahawa usaha kita untuk membentangkan Rang Undang-undang ini dan untuk mewujudkan hanya satu Lembaga Minyak Sawit Malaysia adalah satu pendekatan yang wajar dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong dan telah pun memaklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa Rang Undang-undang yang kita bentangkan ini tepat pada waktunya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah dari segi kelebihan yang ada di dalam sektor kelapa sawit kita. Peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara yang dimainkan oleh sektor kelapa sawit tidak boleh kita nafikan. Peranan yang dimainkan terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara, penyumbang penting kepada hasil eksport negara. Pada tahun 1997 hasil eksport keluaran minyak seperti yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kurang daripada RM12.76 bilion dan dari segi sosio-ekonominya 250,000 keluarga terlibat dalam tanah rancangan kerajaan dan kebun-kebun kecil, 80% pekerja di ladang-ladang milik swasta dan pada masa yang sama dengan penurunan nilai Ringgit kita dan kehebatan pengeksportan kelapa sawit, CPO khususnya dalam harga nilai Ringgit Amerika, jumlah dan harga minyak sawit mentah telah meningkat. Seperti yang saya sebutkan tadi daripada RM2,311.50 setan bagi Februari 1998 berbanding dengan RM1,180 setan pada Julai 1997. Ini bermakna banyak manfaat, kelebihan dan kebaikan telah sampai kepada peringkat akar umbi di skim-skim FELDA, skim-skim kerajaan dan khususnya kepada pekebun-pekebun kecil. Di dalam kawasan saya sendiri iaitu di kawasan Tenggara tidak ada peneroka-peneroka yang membangkitkan isu kegawatan ekonomi. Seolah-olah kita tidak berhadapan dengan kelembapan pertumbuhan ekonomi kerana harga yang mendadak, harga yang begitu tinggi yang diperolehi oleh pihak kelapa sawit yang dieksport dalam harga Amerika Syarikat.

Ini dimanfaatkan secara langsung oleh pihak pekebun-pekebun kecil. Ini harus kita iktiraf, ini harus kita akui dan tidak ada sebab pihak-pihak pembangkang sepatutnya menafikan kekuatan, kelebihan yang ada. Tetapi ini tidak bermakna kerajaan alpa, leka, cuai, terlena dibuai pujian semata-mata kerana dengan kekuatan yang wujud seperti yang saya sebutkan dan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kelemahan-kelemahan yang kerajaan tidak menafikan dan saya ketika membentangkan Rang Undang-undang ini telah pun mengakui ada kekurangan, ada kelemahan yang harap kita dapat atasi dan tangani dengan wujudnya Lembaga yang ingin kita wujudkan sekarang.

Pertama, isu pekerja di ladang kelapa sawit. Sektor perladangan kelapa sawit kini mengalami kekurangan tenaga pekerja. Ini tidak boleh kita nafikan. Sektor ini dianggarkan memerlukan 367,000 pekerja pada tahun 1997, 375,000 pada tahun 1999, 382,000 pada tahun 2000 dan 393,000 pada tahun 2020.

Keperluan buruh asing adalah dianggarkan 146,800 orang pada tahun 1997, meningkat kepada 150,000 pada tahun 1999, 152,000 pada tahun 2000 dan 155,000 orang pada tahun 2002. Untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja ini kerajaan membenarkan penggunaan buruh-buruh asing bekerja di ladang kelapa sawit. Tempoh permit kerja buruh asing untuk sektor perladangan ialah selama tujuh tahun (3 + 2 + 2 tahun). Buat masa ini usaha sedang dijalankan untuk kita menyerap pekerja-pekerja asing yang dibuang kerja di dalam sektor-sektor yang berhadapan dengan kelembapan pertumbuhan, khususnya dalam sektor pembinaan. Tetapi malangnya, sambutan dan penerimaan pekerja-pekerja dalam sektor pembinaan untuk melibatkan diri dalam sektor perladangan cukup mengecewakan. Maka untuk sementara waktu perlu diteruskan pengambilan buruh asing supaya ia tidak menjejaskan usaha sektor perladangan untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit.

Kegagalan sektor tersebut meningkatkan pengeluaran hasil daripada kekurangan buruh ini akan merugikan syarikat-syarikat perladangan disebabkan pengurangan pengeluaran minyak sawit yang seterusnya mempunyai kesan ke atas ekonomi negara, kerana tidak dapat menikmati pertambahan tukaran wang asing hasil daripada eksport barangan tersebut. Seperti yang termaklum, sektor kelapa sawit adalah berorientasikan eksport yang mana 95% daripada pengeluaran produk minyak sawit negara adalah dieksport. Peranan sektor ini semakin penting terutama pada masa ekonomi negara mengalami keadaan defisit akaun semasa serta penurunan Ringgit.

Maka kita harus ada keutamaan, priority, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana dalam kegawatan ekonomi sekarang, dengan kelembapan ekonomi sekarang, kekuatan dan kelebihan yang ada dalam sektor kelapa sawit harus juga di'balance'kan, diimbangkan dengan penekanan-penekanan industri-industri lain. Bermakna kekurangan tenaga pekerja bagi sektor perladangan.....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Libaran bangun.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Eh, tadi tidak ada. *[Ketawa]*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu apakah bentuk pendekatan yang diambil oleh kementerian Yang Berhormat tentang kedudukan pendatang tanpa izin yang bekerja di kilang-kilang kelapa sawit?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat dari Libaran baru sampai. *[Ketawa]* Kalau di Johor orang kata 'tak aci'. *[Ketawa]* Seperti yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita perlu ada keutamaan dan priority dalam pendekatan dan juga program dan usaha-usaha kita. Negara tidak boleh kita nafikan berdepan dengan usaha-usaha untuk

memulihkan ekonomi, dan kelapa sawit merupakan satu sektor yang dapat membantu kita memulihkan ekonomi kerana seperti saya sebutkan tadi bahawa kebanyakan eksport barangan kelapa sawit 95% dieksport. Maka memang kita tidak boleh nafikan bahawa tumpuan kerajaan dari segi pendatang-pendatang haram dan pekerja-pekerja asing merumitkan keadaan. Tetapi seperti diakui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, apa yang dimanfaatkan oleh keluaran sektor ini dan pembaziran yang wujud kerana seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, di mana tidak ada tenaga kerja untuk mengumpul dan mengutip bahan-bahan kelapa sawit harus kita tangani bersama.

Selain daripada itu, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan juga dari Tambun, usaha untuk kita menekankan kepada mechanization, dengan izin, jentera-jentera yang telah dibangunkan untuk mengangkut buah tandan sawit (BTS) dalam ladang bagi kawasan-kawasan lembut, gambut dan berpaya, iaitu seperti Walk Foot, Super Crawler dan Teltrack sebagai contoh, harus dipertingkatkan lagi. Jentera pengangkut BTS dan ladang bagi kawasan rata dan beralun iaitu, tractor mini trailer dengan graber, graber dengan high-lift trailer, rambo, jentera pengangkut BTS untuk kawasan tinggi dan berteras, badang, iron-horse, power-cart, jentera pungutan buah lerai. Ini semua harus kita pertingkatkan, harus kita terokai dan harus kita serapkan dalam sektor kelapa sawit.

Tetapi sekiranya mereka yang terlibat dalam sektor ini tidak mengambil inisiatif atau tidak ingin mengambil tahu dan mengambil cara yang senang, iaitu menarik dan menggunakan buruh-buruh asing, maka usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi teknologi, untuk mempertingkatkan

mechanization dan untuk membantu mengurangkan pekerja-pekerja asing di sektor perladangan tidak akan berjaya. Maka itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat dari Libaran yang datang lewat tadi.

Mengenai isu kedua, iaitu minyak sawit Malaysia dan minyak sawit Indonesia. Walaupun pengeluaran minyak sawit Indonesia semakin meningkat dan dijangka mengatasi Malaysia dari segi keluasan tanaman dan pengeluaran dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang, tetapi di pasaran antarabangsa ianya bukanlah merupakan satu ancaman kepada minyak sawit Malaysia. Sindiran Yang Berhormat dari Kepong bahawa ini adalah kata-kata manis pihak kementerian iaitu kita mampu berdepan dengan cabaran-cabaran ini, saya nafikan sekeras-kerasnya. Kerana apa yang berlaku pada hari ini [*Ketawa*] ialah usaha gigih dan gagah daripada PORLA dan PORIM dan insya-Allah, dengan gabungan kedua-dua agensi ini.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Menyampuk*]

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:...[*Ketawa*] memang tugas dia untuk membangkang, apa yang kita cakap pun dia tidak akan bersetuju. Ini memandangkan sebahagian besar minyak sawit Indonesia adalah untuk kegunaan domestik bagi memenuhi keperluan penduduknya....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:....yang berjumlah 200 juta orang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kalaulah prestasi yang begitu cemerlang memang tidak payah kita bentangkan rang undang-undang hari ini untuk mencantumkannya. Percantuman ataupun penggabungan ini bermakna terdapat kelemahan-kelemahan yang tidak disebutkan oleh Yang Berhormat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Dia merapu 24 jam. *[Ketawa]*
Saya dari peringkat awal lagi menyatakan bahawa kerajaan mengakui ada kelemahan-kelemahan. Kelebihan dan kekuatan yang ada tidak bermakna kerajaan Barisan Nasional leka, alpa, cuai, terlena dibuai pujian walaupun tidak dipuji oleh pihak Yang Berhormat dari Kepong. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa peka, prihatin dan proaktif melihat kepada kelemahan dan menggunakan kesempatan ini untuk memastikan bahawa sektor ini dapat bersaing bukan sahaja dengan negara-negara jiran tetapi dengan sektor-sektor lain dan keluaran-keluaran sayuran, seperti kacang soya dan sebagainya.

Saya kembali kepada isu minyak sawit Malaysia dan minyak sawit Indonesia dan menyatakan bahawa pasaran antarabangsa bukanlah merupakan satu ancaman kepada minyak sawit Malaysia. Ini memandangkan bahawa sebahagian besar minyak sawit Indonesia adalah untuk kegunaan domestik bagi memenuhi keperluan penduduknya yang berjumlah 200 juta orang. Di samping itu, syarikat-syarikat Malaysia banyak terlibat secara usahasama dengan syarikat-syarikat Indonesia di dalam peluasan tanaman kelapa sawit di Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup. Minta sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.